Determine whether the following arguments is strong or weak and congent or not congent. Give your justification

Premis 1 : 24 ialah gandaan 6.
Premise 1 : 24 *is a multiple of* 6.
Premis 2 : 36 ialah gandaan 6
Premise 2 : 36 *is a multiple of* 6.
Premis 3 : 40 ialah gandaan 6
Premise 3 : 40 *is a multiple of* 6.
Kesimpulan : Semua gandaan 6 ialah nombor genap.
Conclusion : *All the multiples of* 6 *are even numbers.*

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

10 (a) Tukar setiap pernyataan benar yang berikut kepada pernyataan palsu, atau sebaliknya, dengan menggunakan 'bukan' atau 'tidak'.
Change each of the following true statements into false statements, or vice versa, using '*not*' *or* '*no*'.

(i) Semua orang yang kaya adalah pemurah.
All rich people are generous.

(ii) $(x + 6)(x – 2)$ adalah satu pernyataan.
$(x + 6)(x – 2)$ *is a statement.*

(iii) $x^2 – 25 = 0$ mempunyai dua punca penyelesaian.
$x^2 – 25 = 0$ *has two different roots.*

[3 markah/*marks*]

(b) Tulis Premis 2 untuk melengkapkan hujah berikut:
Write down Premise 2 *to complete the following argument*:

Premis 1 : Jika $3m > 15$, maka $m > 5$.
Premise 1 : *If* $3m > 15$, *then* $m > 5$.

Premis/*Premise* 2: _____

Kesimpulan : $3m \leqslant 15$.
Conclusion : $3m \leqslant 15$.

[1 markah/*mark*]

(c) Bentukkan suatu hujah induktif berdasarkan jujukan nombor berikut, 3, 8, 17 ,30, … .
Form an inductive argument based on the following sequence number, 3, 8, 17, 30, … .

$3 = 3(1) + 2(0)^2$
$8 = 3(2) + 2(1)^2$
$17 = 3(3) + 2(2)^2$
$30 = 3(4) + 2(3)^2$
… = ……

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

(a) (i)

(ii)

(iii)

(b) Premis/*Premise* 2: _____

(c)

11 (a) Tentukan sama ada hujah yang berikut adalah kuat atau lemah serta meyakinkan atau tidak meyakinkan. Berikan justifikasi anda.
Determine whether each of the following arguments is strong or weak and congent or not congent. Give your justification.

Premis 1 : 3 ialah faktor bagi 30.
Premise 1 : 3 *is a factor of* 30.

Premis 2 : 5 ialah faktor bagi 30.
Premise 2 : 5 *is a factor of* 30.

Kesimpulan : Semua faktor 30 ialah nombor ganjil.
Conclusion : *All the factors of* 30 *are odd numbers.*

[2 markah/*marks*]

(b) Bina satu implikasi yang sesuai berdasarkan pasangan implikasi berikut.
Make an appropriate implication based on the following pairs of implications.

Implikasi 1 : Jika $8 + x = 25$, maka $x = 17$.
Implication 1 : *If* $8 + x = 25$, *then* $x = 17$.
Implikasi 2 : Jika $x = 17$, maka $8 + x = 25$.
Implication 2 : *If* $x = 17$, *then* $8 + x = 25$.

[1 markah/*mark*]

(c) Tentukan antejadian dan akibat bagi implikasi berikut.
Determine the antecedent and consequent of the following.

Jika $(x + 3)(x - 3) = 0$, maka bentuk am persamaan kuadratik ialah $x^2 - 9 = 0$.
If $(x + 3)(x - 3) = 0$, *then the general form of a quadratic equation is* $x^2 - 9 = 0$.

[2 markah/*marks*]

(d) Berikut ialah satu hujah yang tidak lengkap.
The following is an incomplete argument.

Premis/*Premise* 1 : _____

Premis 2 : $12 \div n \neq 4$
Premise 2 : $12 \div n \neq 4$

Kesimpulan : $n \neq 3$
Conclusion : $n \neq 3$

(i) Lengkapkan Premis 1 dalam hujah tersebut.
Complete the Premise 1 *in the argument.*

[1 markah/*mark*]

(ii) Tentukan sama ada hujah tersebut sah atau tidak sah serta munasabah atau tidak munasabah. Berikan justifikasi anda.
Determine whether the argument is valid or invalid, and sound or unsound. Give your justification.

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a)

(b)

(c) Antejadian/*Antecedent* : _____

Akibat/*Consequent* : _____

(d) (i) Premis/*Premise* 1 : _____

(ii)

12 (a) Tulis songsangan bagi implikasi berikut dan tentukan nilai kebenarannya.
Write the inverse of the following implication and determine its truth value.

Jika 6 ialah faktor bagi 36, maka 36 boleh dibahagi tepat dengan 6. *If* 6 *is a factor of* 36*, then* 36 *is divisible by* 6*.*

[2 markah/*marks*]

(b) Gabungkan dua pernyataan berikut supaya menjadi satu pernyataan yang benar.
Combine the two of the following statements to form a true statement.

Pernyataan/*Statement* I : $(-5)^3 = 125$
Pernyataan/*Statement* II : $(-6)^2 = 36$

[1 markah/*mark*]

(c) Lengkapkan setiap pernyataan berikut dengan pengkuantiti "semua" atau "sebilangan" supaya menjadi suatu pernyataan benar.
Complete each of the following statements with the quantifier "*all*" *or* "*some*" *so that it will become a true statement.*

(i) _____ kuasa dua bagi nombor negatif adalah positif.
_____ *square of negative numbers is positive.*

(ii) _____ nombor perdana adalah nombor ganjil.
_____ *prime numbers are odd numbers.*

(iii) _____ pecahan tak wajar adalah lebih besar daripada 1.
_____ *improper fractions are greater than* 1.

[3 markah/*marks*]

(d) Berikut ialah satu hujah yang tidak lengkap.
The following is an incomplete argument.

Premis 1 : Jika *r* ialah faktor bagi 24, maka 24 boleh dibahagi tepat dengan *r*.
Premise 1 : *If r is a factor of* 24*, then* 24 *is divisible by r.*

Premis/*Premise* 2 : _____

Kesimpulan : 3 bukan faktor bagi 24.
Conclusion : 3 *is not a factor of* 24*.*

(i) Lengkapkan Premis 2 dalam hujah tersebut.
Complete the Premise 2 *in the argument.*

[1 markah/*mark*]

(ii) Tentukan hujah tersebut sah atau tidak sah serta munasabah atau tidak munasabah. Berikan justifikasi anda.
Determine whether the argument is valid or invalid, and sound or unsound. Give your justification

[2 markah/*marks*]

(e) Diberi bahawa jumlah sudut pedalaman sebuah poligon dengan *n* sisi ialah $(n - 2) \times 180°$. Beri satu kesimpulan secara deduksi tentang jumlah sudut pedalaman sebuah dekagon.
It is given that the sum of the interior angles of a polygon of n sides is $(n - 2) \times 180°$*. Make one conclusion by deduction on the sum of the interior angles of a decagon.*

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a)

(b)

(c) (i)
(ii)
(iii)

(d) (i) Premis/*Premise* 2 : _____
(ii)

(e)

BAB 4

Operasi Set
Operations on Sets

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Persilangan Set
Intersection of Sets

1 **Persilangan** set bagi set P dan set Q ialah set yang mengandungi unsur-unsur sepunya bagi kedua-dua set P dan set Q, $P \cap Q$.
*The **intersection** of set P and set Q is a set that contains the common elements of both set P and set Q, $P \cap Q$.*



2 **Pelengkap** bagi **persilangan** set P dan set Q ialah semua unsur dalam set semesta yang tidak terdapat dalam persilangan set P dan set Q, $(P \cap Q)'$.
*The **complement** of the **intersection** of set P and set Q is all the elements in the universal set that are not in the intersection of set P and set Q, $(P \cap Q)'$.*



Kesatuan Set
Union of Sets

1 **Kesatuan** set bagi set P dan set Q ialah set yang mengandungi semua unsur dalam set P dan set Q, $P \cup Q$.
*The **union** of set P and set Q is a set that contains all the elements in set P and set Q, $P \cup Q$.*



2 **Pelengkap** bagi **kesatuan** set P dan set Q ialah semua unsur dalam set semesta yang tidak terdapat dalam kesatuan set P dan set Q, $(P \cup Q)'$.
*The **complement** of the **union** of set P and set Q is all the elements in the universal set that are not in the union of set P and set Q, $(P \cup Q)'$.*



LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif
Jawab semua soalan.

1 Rajah 1 ialah suatu gambar rajah Venn yang menunjukkan unsur-unsur set semesta ξ, set J dan set K.
Diagram 1 *is a Venn diagram which shows the universal set* ξ*, set J and set K.*



Rajah 1 / *Diagram* 1

Cari nilai bagi $n(J)$.
Find the value of $n(J)$.
A 2 **C** 7
B 5 **D** 9

2 Rajah 2 menunjukkan gambar rajah Venn dengan set semesta, $\xi = P \cup Q \cup R$.
Diagram 2 *shows a Venn diagram with the universal set,* $\xi = P \cup Q \cup R$.



Rajah 2 / *Diagram* 2

Senaraikan semua elemen bagi set $(P \cap R)'$.
List all the elements of set $(P \cap R)'$.
A {2, 3}
B {3, 4}
C {1, 2, 5}
D {1, 2, 4, 5}

3 Diberi bahawa set semesta, $\xi = \{x : 21 < x < 35, x \text{ ialah integer}\}$ dan set $P = \{x : x$ ialah nombor dengan keadaan hasil tambah digit-digitnya ialah nombor ganjil$\}$. Cari set P.
It is given that universal set, $\xi = \{x : 21 < x < 35, x \text{ is an integer}\}$ *and set* $P = \{x : x$ *is a number which the sum of its digits is an odd number*$\}$. *Find set P.*
A {21, 23, 25, 27, 29, 32, 34}
B {23, 25, 27, 29, 30, 32, 34}
C {21, 23, 25, 27, 29, 33, 35}
D {23, 25, 27, 29, 31, 33, 35}

4 Rajah 3 menunjukkan maklumat mengenai set P dan set Q.
Diagram 3 *shows an information of set P and set Q.*

$\xi = P \cup Q$
$P = \{r, s, t, u, v\}$
$Q = \{r, s, t, u, v, w, y\}$

Rajah 3 / *Diagram* 3

Berdasarkan maklumat yang diberi, pernyataan manakah yang **benar**?
Based on the information given , which of the following statement is **true***?*
A $P \cup Q = \{r, s, t, u, v\}$
B $n(P) = n(Q)$
C $P \subset Q$
D $n(P \cap Q)' = 7$

5 Rajah 4 menunjukkan gambar rajah Venn dengan set semesta, $\xi = M \cup N \cup P$.
Diagram 4 *shows a Venn diagram with the universal set,* $\xi = M \cup N \cup P$.



Rajah 4 / *Diagram* 4

Antara kawasan **A**, **B**, **C** dan **D**, yang manakah mewakili set $M \cup P \cap N'$?
Which of the region **A**, **B**, **C** *or* **D**, *represents set* $M \cup P \cap N'$?

6 Rajah 5 menunjukkan gambar rajah Venn dengan set semesta, $\xi = K \cup L \cup M$.
Diagram 5 *shows a Venn diagram with the universal set,* $\xi = K \cup L \cup M$.



Rajah 5 / *Diagram* 5

Antara berikut, operasi bergabung ke atas set K, L dan M yang manakah ialah set kosong?
Which of the following combined operations on sets K, L and M is an empty set?
A $(L \cap K)' \cap M$ **C** $(L \cup K)' \cap M'$
B $(L \cap K) \cup M'$ **D** $(L \cup K)' \cup M'$

Tingkatan 4

Soalan Subjektif
Jawab semua soalan.

1 Gambar rajah Venn di ruang jawapan menunjukkan set E, set F dan set G, dengan keadaan set semesta, $\xi = E \cup F \cup G$.
Pada rajah di ruang jawapan, lorek set
The Venn diagram in the answer space shows set E, set F and set G such that the universal set, $\xi = E \cup F \cup G$.
On the diagram in the answer space, shade set
(a) $E \cap F$, (b) $(F \cap G) \cap E'$.

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a)



(b)



---

2 (a) Rajah 1 menunjukkan set P.
Diagram 1 *shows set P.*

$$P = \{k, m, n\}$$

Rajah 1 / *Diagram* 1

Senaraikan subset bagi set P.
List the subsets of set P.

(b) Rajah 2 ialah sebuah gambar rajah Venn yang menunjukkan set semesta, ξ , set R dan set S.
Diagram 2 *is a Venn diagram that shows the universal set,* ξ *, set R and set S.*

Tentukan set yang diwakili oleh kawasan berlorek.
Determine the set that reperesents the shaded region.



Rajah 2 / *Diagram* 2

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a)

(b)

VIDEO ULASAN JAWAPAN

Menguasai | Belum Menguasai

3 Diberi set semesta, $\xi = \{x : 30 \leqslant x \leqslant 40, x$ ialah satu integer$\}$, set $P = \{x : x$ ialah satu nombor perdana$\}$, set $Q = \{x : x$ mempunyai digit 2 atau 4$\}$, dan set $R = \{x : x$ ialah satu nombor dengan perbezaan antara digit-digitnya ialah 3$\}$.
Given the universal set, $\xi = \{x : 30 \leqslant x \leqslant 40, x$ *is an integer*$\}$, *set* $P = \{x : x$ *is a prime number*$\}$, *set* $Q = \{x : x$ *has a digit* 2 *or* 4$\}$, *and set* $R = \{x : x$ *is a number such that the difference between its digits is* 3$\}$.

(a) Senaraikan semua unsur-unsur bagi set
List all the elements of set
(i) P, (ii) Q.

(b) Cari $n(P \cup Q \cap R')$.
Find $n(P \cup Q \cap R')$.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a) (i) (b)

(ii)

---

4 (a) Diberi bahawa set $P = \{$nombor perdana$\}$ dan set $L = \{2, 3, 5, 7\}$. Lengkapkan gambar rajah Venn di ruang jawapan untuk menunjukkan hubungan antara set P dan set L.
It is given that set $P = \{$*prime number*$\}$ *and set* $L = \{2, 3, 5, 7\}$. *Complete the Venn diagram in the answer space to show the relationship between set P and set L.*

(b) Rajah 3 ialah sebuah gambar rajah yang menunjukkan set X, set Y dan set Z. Set semesta, $\xi = X \cup Y \cup Z$.
Diagram 3 *is a Venn diagram that shows set X, set Y and set Z. The universal set,* $\xi = X \cup Y \cup Z$.



Rajah 3 / *Diagram* 3

Nyatakan hubungan yang diwakili oleh rantau berlorek di antara set X, set Y dan set Z.
State the relationship represented by the shaded region between set X, set Y and set Z.

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a) (b)



5 (a) Diberi/*Given*

$$J \cap K \neq \phi, J \cap L = \phi, L \subset K$$

Rajah 4 / *Diagram* 4

Pada ruang jawapan, lukis dan labelkan sebuah gambar rajah Venn untuk mewakili set *J*, *K* dan *L* dengan keadaan seperti di atas.
In the answer space, draw and label a Venn diagram to reperesent sets J, K and L with the above conditions.

(b) Seramai 250 orang murid terlibat dalam satu kajian mengenai makanan kegemaran mereka. Hasil dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 1.
A total of 250 *students involve in a survey about their favourite food. The results of the survey as shown in Table* 1.

Food ***Makanan***	**Bilangan murid** ***Number of students***
Nasi lemak	150
Spageti *Sphagetti*	155
Laksa	105
Nasi lemak dan spageti *Nasi lemak and spaghetti*	75
Spageti dan laksa *Sphagetti and laksa*	70
Nasi lemak dan laksa sahaja *Nasi lemak and laksa only*	15
Nasi lemak, spageti dan laksa *Nasi lemak, sphagetti and laksa*	45

Jadual 1 / *Table* 1

Berdasarkan maklumat dalam Jadual 1, hitung
Based on the information in Table 1*, calculate*

(i) bilangan murid yang menggemari dua makanan sahaja,
the number of students who like two foods only,

(ii) bilangan murid yang menggemari nasi lemak atau spageti tetapi tidak menggemari laksa.
the number of students who like nasi lemak and sphagetti but does not like laksa.

[7 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

(a)

(b) (i)

(ii)

LATIHAN TAMBAHAN

Menguasai | Belum Menguasai

BAB 5

Rangkaian dalam Teori Graf
Network in Graph Theory

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Bucu atau bintik, V *Vertex or dot, V*	Tepi atau garis, E *Edge or line, E*	Darjah, d *Degree, d*
$V = \{V_1, V_2, V_3, \ldots, V_n\}$	$E = \{E_1, E_2, E_3, \ldots, E_n\}$	$\Sigma d(V) = 2E$

Graf mudah ***Simple graph***	• Tidak mempunyai gelung. *Does not have loops.* • Tidak mempunyai berbilang tepi. *Does not have multiple edges.* Bilangan darjah = 2 × tepi *Number of edges = 2 × edges*	
Graf gelung dan berbilang tepi ***Graph with loops and multiple edges***	**Berbilang tepi/*Multiples edges*:** • Melibatkan dua bucu. *Involve two vertices.* • Dua bucu dihubungkan dengan lebih daripada satu tepi. *Two vertices are connected by more than two edges.* • Bilangan darjah ialah dua kali bilangan tepi. *The number of degrees is twice the number of egdes.* **Gelung/*Loops*:** • Melibatkan satu bucu. *Involve one vertex.* • Tepi berbentuk lengkung atau bulatan yang berbalik kepada bucu asal. *The edge is in the form of an arc that starts and ends at the same vertex.* • Bilangan darjah setiap gelung ialah dua. *The number of degrees in each loop is two.*	
Graf terarah ***Directed graph***	• Graf dengan keadaan tepi yang mengaitkan dua bucu ditanda dengan arah kaitan. *A graph which a direction is assigned to the edges connecting two vertices.* • Berdasarkan arah anak panah: *Based on the directions of the arrows:* (a) Tepi AB: A ialah bucu awal dan B ialah bucu akhir. *Edge AB: A is the initial vertex and B is the terminal vertex.* (b) Semua bucu dikaitkan dengan satu arah sahaja. *All vertices are connected in one direction only.*	

Graf tak terarah *Undirected graph*	• Graf mudah atau graf yang mempunyai gelung dan berbilang tepi yang dilukis tanpa penandaan arah. *A simple graph or a graph with loops and multiple edges drawn without any direction being assigned.*	
Graf berpemberat *Weighted graph*	• Bucu dihubungkan dengan nilai atau pemberat. *Edges are connected with a value or a weight.* • Melibatkan graf terarah dan graf tak terarah. *Involves directed graph and undirected graph.* • Tepi mewakili jarak antara dua tempat, masa pergerakan, nilai arus litar elektrik, kos dan sebagainya. *The edges represent the distance between two places, travelling time, the current in an electrical circuit, cost and etcetera.*	
Graf tak berpemberat *Unweighted graph*	• Bucu tidak dihubungkan dengan nilai atau pemberat. *Edges are not connected with a value or a weight* • Melibatkan graf terarah dan graf tak terarah. *Involves directed graph and undirected graph.* • Tepi mengaitkan maklumat seperti hierarki jawatan dalam carta organisasi, peta alir, peta pokok dan peta buih. *The edge relates information like job hierarchy in an organization chart, flow map, tree map, and bubble map.*	

LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1 Rajah 1 menunjukkan suatu graf.
Diagram 1 *shows a graph.*



Rajah 1 / *Diagram* 1

Cari jumlah bilangan darjah bagi graf itu.
Find the total number of degrees of the graph.

A 15 **B** 16 **C** 17 **D** 18

Menguasai | Belum Menguasai

Soalan Subjektif

Jawab semua soalan.

1 Lengkapkan jadual di ruang jawapan berdasarkan graf berikut.
Complete the tables in the answer space based on following graphs.

(a)



(b)



[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

(a)

Bucu *Vertex*	**Darjah bagi bucu** *Degree of vertex*	**Jumlah tepi** *Total number of edges*
A		
B		
C		
D		
E		
F		

(b)

Bucu *Vertex*	**Darjah bagi bucu** *Degree of vertex*	**Jumlah tepi** *Total number of edges*
P		
Q		
R		
S		
T		
U		

---

2 Encik Amran merupakan seorang ejen hartanah. Dia dilantik oleh pemaju perumahan untuk menjual enam buah rumah yang baru dibina. Dia ingin mengunjungi kesemua rumah tersebut. Rajah 1 menunjukkan kedudukan keenam-enam rumah tersebut, *P*, *Q*, *R*, *S*, *T* dan *U*.
Encik Amran is a property agent. He was appointed by a house developer to sell six houses that were recently built. He wants to visit all the houses. Diagram 1 *shows the location of all the six houses, P, Q, R, S, T and U.*



Rajah 1 / *Diagram* 1

Encik Amran bermula dengan mengunjungi rumah *P* dahulu. Lukis graf terarah yang mewakili jarak terpendek dan hitung jarak yang dilalui oleh Encik Amran.
Encik Amran starts by visiting house P first. Draw a directed graph representing the shortest distance and calculate the distance travelled by Encik Amran.

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 4

3 Rajah 2 menunjukkan suatu rangkaian.
Diagram 2 *shows a network.*



Rajah 2 / *Diagram* 2

(a) Nyatakan/*State*
(i) V dan/*and* $n(V)$,
(ii) E dan/*and* $n(E)$,
(iii) bilangan darjah.
sum of degrees.

(b) Lukis satu pokok berdasarkan rajah tersebut.
Draw a tree based on the diagram.

[6 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a) (i) (ii) (iii)

(b)

Tingkatan 4

---

4 Ani akan menyertai pertandingan berbasikal yang akan melalui enam lokasi yang berbeza. Rajah 3 menunjukkan graf tak terarah dan berpemberat yang menghubungkan semua lokasi tersebut.
Ani will participate in a cycling competition that will go through six different locations. Diagram 3 *shows an undirected and weighted graph that connects all of the locations.*



Rajah 3 / *Diagram* 3

(a) Lukis satu pokok berpemberat minimum dengan keadaan setiap lokasi hanya dilalui sekali sahaja.
Draw a minimum weighted tree with the condition that each location only travelled once.

(b) Hitung jarak maksimum yang dilalui dari lokasi P ke lokasi U dengan keadaan semua lokasi hanya dilalui sekali sahaja.
Calculate the maximum distance travelled from location P to location U such that all locations are travelled only once.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a) (b)

5 Jadual 1 menunjukkan jarak yang menghubungkan beberapa buah bandar.
Table 1 *shows the distance connecting several towns.*

Bandar ***Towns***	**Jarak** ***Distance*** **(km)**
A dan/*and B*	12
B dan/*and E*	15
B dan/*and C*	14
C dan/*and D*	18
D dan/*and E*	17
B dan/*and D*	16
A dan/*and E*	10

Jadual 1 / *Table* 1

(a) Lukiskan satu graf dengan pemberat berdasarkan maklumat dalam jadual tersebut.
Draw a graph with weightages based on the information in the table.
(b) Nyatakan bilangan bucu dalam graf yang dilukis di (a).
State the number of vertices on the graph drawn in (a).
(c) Tentukan $d(B)$.
Determine $d(B)$.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a)

(b)

(c)

6 Rajah 4 menunjukkan rangkaian kedudukan lima buah rumah yang dihubungkan oleh jalan raya antara satu sama lain. Masa yang diambil, dalam minit, untuk berjalan dari satu rumah ke rumah yang lain diwakilkan oleh nilai yang ditunjukkan pada setiap tepi. Azmi bertolak dari rumah *A* untuk menghantar kad jemputan perkahwinannya ke setiap rumah dan kembali ke rumah *A* dengan purata laju 1.15 meter per saat.
Diagram 4 *shows a network of position of five houses connected by roads to each other. The time taken, in minutes, to walk from a house to another house is represented by the value shown at the edges. Azmi departed from house A to send his wedding invitation cards to each house and return to house A with an average speed of* 1.15 *metre per second.*



Rajah 4 / *Diagram* 4

(a) Cari masa terpendek, dalam minit, bagi perjalanan Azmi.
Find the shortest time, in minutes, of Azmi's journey.
(b) Cari jarak, dalam m, perjalanan terpendek.
Find the distance, in m*, of the shortest route.*

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:
(a)

(b)

VIDEO ULASAN JAWAPAN

Menguasai | Belum Menguasai

BAB 6

Ketaksamaan Linear dalam Dua Pemboleh Ubah

Linear Inequalities in Two Variables

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

1

Simbol *Symbol*	Ketaksamaan *Inequality*	Simbol *Symbol*	Ketaksamaan *Inequality*
$>$	Lebih besar daripada *Greater than*	$\geq$	• Lebih besar daripada atau sama dengan *Greater than or equal to* • Sekurang-kurangnya *At least* • Tidak kurang daripada *Not less than*
$<$	Kurang daripada *Less than*	$\leq$	• Kurang daripada atau sama dengan *Less than or equal to* • Selebih-lebihnya *At most* • Tidak lebih daripada *Not more than*

2

Ketaksamaan *Inequality*	Jenis garisan *Type of lines*	Contoh rantau berlorek *Example of shaded region*	
$y \geq x$	Garis padu *Solid line*		Rantau atas dilorek *Region above shaded*
$y > x$	Garis sempang *Dashed line*		
$y \leq x$	Garis padu *Solid line*		Rantau bawah dilorek *Region below shaded*
$y < x$	Garis sempang *Dashed line*		

LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1 Rajah 1 menunjukkan rantau berlorek bagi suatu ketaksamaan linear.
Diagram 1 *shows the shaded region for a linear inequality.*



Rajah 1 / *Diagram* 1

Antara berikut, ketaksamaan linear yang manakah mewakili rantau berlorek?
Which of the following linear inequalities represents the shaded region?

A $y > 3x + 5$ **C** $y > 3x - 5$
B $y < 3x - 5$ **D** $-3x < -y - 5$

2 Antara berikut, titik yang manakah memuaskan ketaksamaan linear $y \leqslant \frac{1}{2}x + 7$?
Which of the following point satisfies the linear inequality $y \leqslant \frac{1}{2}x + 7$?

A (–2, 4) **C** (2, 10)
B (–4, 6) **D** (4, 11)

3 Antara berikut, rajah yang manakah mewakili ketaksamaan linear $y < \frac{1}{2}x$?
Which of the following diagram represents the linear inequality $y < \frac{1}{2}x$?

A



C



B



D



4 Dora telah menetapkan perbelanjaan maksimum RM50 untuk pembelian buah-buahan pada sesuatu minggu. Dora ingin membeli buah betik dan buah naga pada minggu tersebut. Harga bagi sekilogram betik ialah RM4.00 dan sekilogram buah naga ialah RM9.00. Ungkapkan situasi yang diberi dalam bentuk ketaksamaan linear.
Dora has allocated a maximum budget of RM50 *for purchasing fruits in a particular week. She plans to buy papayas and dragon fruits during that week. The price of papayas is* RM4.00 *per kilogram, and dragon fruits cost* RM9.00 *per kilogram. Express the given situation as a linear inequality.*

A $4x - 9y < 50$ **C** $4x - 9y > 50$
B $4x + 9y \leqslant 50$ **D** $4x + 9y \geqslant 50$

5 Rajah 2 menunjukkan satu rantau berlorek.
Diagram 2 *shows a shaded region.*



Rajah 2 / *Diagram* 2

Tentukan ketaksamaan yang memuaskan rantau berlorek dalam rajah tersebut.
Determine the inequality that satisfies the shaded region in the diagram.

A $y \geqslant 0, x \geqslant 0$ dan/*and* $y \geqslant -\frac{2}{3}x + 4$
B $y \geqslant 0, x \geqslant 0$ dan/*and* $y \leqslant -\frac{2}{3}x + 4$
C $y \geqslant 0, x \geqslant 0$ dan/*and* $y \leqslant 6x + 4$
D $y \geqslant 0, x \geqslant 0$ dan/*and* $y \geqslant 6x + 4$

6 Antara padanan situasi dan ketaksamaan linear yang berikut, yang manakah **tidak benar**?
Which of the following pair of situations and linear inequalities is **incorrect**?

A	y tidak kurang daripada x *y is not less than x*	$y \geqslant x$
B	y kurang daripada x *y less than x*	$y < x$
C	Minimum y ialah k *The minimum of y is k*	$y \leqslant k$
D	Beza y dan x kurang daripada k *The difference between y and x is less than k*	$y - x < k$

Menguasai | Belum Menguasai

Soalan Subjektif
Jawab semua soalan.

1 Sebuah kilang kasut menghasilkan x ratus kasut jenama A dan y ratus kasut jenama B setiap hari. Jumlah kasut yang dihasilkan setiap hari tidak melebihi 4 ratus dan bilangan kasut jenama A yang dihasilkan adalah maksimum 2 kali bilangan kasut jenama B.
A shoe factory produces x hundreds of shoes of brand A and y hundreds of shoes of brand B each day. The total number of shoes produced each day does not exceed 4 *hundred, and the number of brand A shoes produced is at most twice the number of brand B shoes.*

(a) Tulis dua ketaksamaan linear, selain $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ yang mewakili keadaan tersebut.
Write two linear inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$, that represent the situation.

(b) Lukis dan lorekkan kawasan yang memuaskan sistem ketaksamaan linear itu.
Draw and shade the region that satisfies the system of linear inequalities.

(c) Berdasarkan graf di (b), tentukan bilangan maksimum kasut jenama A yang boleh dihasilkan.
Based on the graph in (b)*, determine the maximum number of brand A shoes that can be produced.*

(d) Pada suatu hari, kilang kasut tersebut menghasilkan 150 kasut jenama A dan 50 kasut jenama B. Adakah penghasilan kasut pada hari tersebut memuaskan sistem ketaksamaan linear di (a)? Justikasikan jawapan anda.
On a particular day, the factory produces 150 *shoes of brand A and* 50 *shoes of brand B. Does the shoes production on that day satisfy the system of linear inequalities in* (a)*? Justify your answer.*

[9 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 4

Graf untuk Soalan 1
***Graph for Question* 1**



2 Sebuah taman rekreasi di Bandar Anjung telah mengumpul data mengenai kehadiran pengunjung. Pengunjung terdiri daripada x orang dewasa dan y orang kanak-kanak. Maklumat berikut berkaitan kehadiran pengunjung.
A recreational park in Bandar Anjung has collected data on visitors' attendance. The visitors consist of x adults and y children. The following information is about the visitor attendance.

(i) Jumlah maksimum orang dewasa dan kanak-kanak ialah 100 orang.
The maximum number of adults and children is 100.

(ii) Bilangan kanak-kanak sekurang-kurangnya 20 orang.
Number of children is at least 20.

(iii) Beza antara bilangan dewasa dan bilangan kanak-kanak lebih daripada 20 orang.
The difference between the number of adults and the number of children is more than 20.

(a) Berdasarkan maklumat yang diberi, tulis tiga ketaksamaan linear, selain $x \geqslant 0$ dan $y \geqslant 0$.
Based on the information given, write three linear inequalities, other than $x \geqslant 0$ *and* $y \geqslant 0$.

(b) Menggunakan skala 2 cm kepada 20 orang pengunjung pada kedua-dua paksi, lukis dan lorekkan kawasan yang memuaskan sistem ketaksamaan linear itu.
Using a scale of 2 cm *to* 20 *visitors on both axes, draw and shade the regions that satisfy the system of linear inequalities.*

(c) Daripada graf/*From the graph*,
(i) berapakah maksimum bilangan pengunjung dewasa?
what is the maximum number of adult visitors?
(ii) berapakah bilangan kanak-kanak jika kehadiran dewasa dicatatkan seramai 52 orang?
what is the number of children if the attendance of adults is recorded as 52*?*

[10 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 4

LATIHAN TAMBAHAN

Graf untuk Soalan 2
***Graph for Question* 2**



BAB 7

Graf Gerakan
Graphs of Motion

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Item / Jenis graf (*Items / Type of graphs*)	**Graf Jarak-Masa** *Distance-Time Graphs*	**Graf Laju-Masa** *Speed-Time Graphs*
Jarak *Distance*	Nilai dibaca daripada graf *The value read from the graph*	Luas di bawah graf *The area under the graph*
Laju/Kadar perubahan jarak *Speed/Rate of change of distance*	Kecerunan graf *The gradient of the graph* $\text{Laju} = \frac{\text{Jarak}}{\text{Masa}}$ $\text{Speed} = \frac{\text{Distance}}{\text{Time}}$	Nilai dibaca daripada graf *The value read from the graph*
Laju purata *Average speed*	$\text{Laju purata} = \frac{\text{Jumlah jarak}}{\text{Jumlah masa}}$ $\text{Average speed} = \frac{\text{Total distance}}{\text{Total time}}$	
Pecutan/Kadar perubahan laju *Acceleration/Rate of change of speed*		Kecerunan graf *The gradient of the graph*





TIPS

Luas trapezium
Area of trapezium

$= \frac{1}{2} \times (a + b) \times c$



LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1 Jadual 1 menunjukkan pergerakan sebutir zarah.
Table 1 *shows the movement of a particle.*

Laju (m s^{-1}) *Speed* (m s^{-1})	0	2	4	8	12	14
Masa (saat) *Time* (*seconds*)	0	1	2	4	6	7

Jadual 1 / *Table* 1

Berdasarkan jadual laju-masa di atas, berapakah jumlah jarak yang dilalui oleh objek dalam tempoh 0 hingga 4 saat?
Based on the speed-time table above, what is the total distance travelled by the object in the period from 0 *to* 4 *seconds?*

A 10 m **C** 40 m
B 20 m **D** 42 m

2 Rajah 1 menunjukkan graf laju-masa pergerakan sebuah objek.
Diagram 1 *shows the speed-time graph of a moving object.*



Rajah 1 / *Diagram* 1

Berdasarkan graf tersebut, yang manakah pernyataan yang benar?
Based on the graph, which of the following statement is true?

A Laju objek kekal pada 14 m s^{-1} sepanjang masa.
The speed of the object remains at 14 m s^{-1} *all the time.*

B Laju objek mula seragam selepas saat ke-6 selama 4 saat.
The speed of the object starts to be at uniform after the 6th *second for* 4 *seconds.*

C Laju objek meningkat kepada 10 m s^{-1} pada masa 10 saat.
The speed of the object increases to 10 m s^{-1} *in* 10 *seconds.*

D Pada masa 15 saat, laju objek ialah 10 m s^{-1}.
At 15 *seconds, the speed of the object is* 10 m s^{-1}.

3 Rajah 2 ialah sebuah graf yang menunjukkan hubungan antara jarak (km) dan masa (saat) bagi sebuah objek yang bergerak.
Diagram 2 *is a graph showing the relationship between distance* (km) *and time* (*seconds*) *for a moving object.*



Rajah 2 / *Diagram* 2

Berdasarkan graf tersebut, tentukan nilai masa, *t*, apabila jarak yang dilalui objek mencapai 0.5 km.
Based on the graph, determine the time value, t, when the distance travelled by the object reaches 0.5 km.

A 5 min **C** 15 min
B 10 min **D** 20 min

4 Rajah 3 menunjukkan graf jarak-masa pergerakan sebuah kenderaan.
Diagram 3 *shows the distance-time graph of a moving vehicle.*



Rajah 3 / *Diagram* 3

Jika kenderaan meneruskan pergerakan dengan halaju yang sama seperti dalam tempoh 8 hingga 12 minit, berapakah jarak yang dicapai pada minit ke-15?
If the vehicle continues to move with the same speed as in the period from 8 *to* 12 *minutes, what is the distance covered in the* 15th *minute?*

A 12 km **C** 14 km
B 13 km **D** 15 km

Soalan Subjektif
Jawab semua soalan.

1 Imani mengikuti lawatan sekolahnya ke Ipoh dengan menaiki bas dari Kuala Lumpur pada jam 0800 dan tiba pada jam 1015. Jika jumlah jarak yang dilalui ialah 207 kilometer, hitung laju purata bas itu dalam km j^{-1}.
Imani joined her school trip to Ipoh by taking a bus from Kuala Lumpur at 0800 *hours and arrived at* 1015 *hours. If the total distance travelled is* 207 *kilometers, calculate the average speed of the bus in* km h^{-1}.

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

2 Rajah 1 ialah graf jarak-masa yang menunjukkan pergerakan sebuah teksi dari bandar *R* ke bandar *S*.
Diagram 1 *is a distance-time graph showing the movement of a taxi from city R to city S.*

(a) Nyatakan tempoh masa teksi tersebut berada dalam keadaan pegun.
State the duration of the taxi was stationary.

(b) Hitung laju, dalam km j^{-1}, bagi tempoh 2 jam yang terakhir.
Calculate the speed, in km h^{-1}, *for the last* 2 *hours.*

(c) Hitung laju purata, dalam km j^{-1}, bagi keseluruhan perjalanan.
Calculate the average speed, in km h^{-1}, *for the entire journey.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:



Rajah 1 / *Diagram* 1

3 Jadual 1 menunjukkan perjalanan Hadif dari rumahnya ke Pusat Sains Negara.
Table 1 *shows Hadif's journey from his home to the National Science Centre.*

Masa ***Time***	**Catatan** ***Notes***
11:00 a.m.	Memulakan perjalanan dari rumah *Start the journey from home*
11:30 a.m.	Berhenti rehat setelah memandu sejauh 40 kilometer *Stopped for a rest after driving a long way* 40 *kilometers*
11:45 a.m.	Meneruskan perjalanan ke Pusat Sains Negara *Continued the journey to the National Science Centre*
1:30 p.m.	Tiba di Pusat Sains Negara *Arrived at the National Science Centre*

Jadual 1 / *Table* 1

(a) Berdasarkan maklumat pada Jadual 1, lengkapkan graf jarak-masa perjalanan Hadif dari rumahnya ke Pusat Sains Negara di ruang jawapan.
Based on the information in Table 1*, complete the distance-time graph of Hadif's journey from his home to the National Science Centre in the answer space.*

(b) Jika Hadif memandu dengan laju purata 75 km j^{-1} dan tiba di rumahnya pada jam 6:25 petang, cari masa dia bertolak dari Pusat Sains Negara.
If Hadif drives at an average speed of 75 km h^{-1} *and arrives at his home at* 6:25 p.m.*, find the time he left the National Science Centre.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

(a)



(b)

4 Rajah 2 ialah graf jarak-masa yang menunjukkan perjalanan sebuah kereta dan sebuah bas. Graf *OPQT* ialah pergerakan kereta dari *X* ke *Y* manakala graf *RQS* ialah pergerakan bas dari *Y* ke *X*.
Diagram 2 is a distance-time graph showing the journey of a car and a bus. The graph of OPQT is the movement of the car from X to Y while the graph of RQS is the movement of the bus from Y to X.



Rajah 2 / *Diagram 2*

(a) Nyatakan tempoh masa, dalam minit, kereta itu berada dalam keadaan pegun.
State the length of time, in minutes, the car was stationary.

(b) Hitung nilai *d*.
Calculate the value of d.

(c) Hitung jarak yang dilalui oleh bas dari *Y*, ketika kedua-dua kenderaan itu berselisih.
Calculate the distance travelled by the bus from Y, when the two vehicles crossed one another.

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

VIDEO ULASAN JAWAPAN

5 Jadual 2 menunjukkan perubahan laju suatu zarah yang bergerak untuk tempoh 5 saat.
Table 2 *shows the change in speed of a moving particle for a period of* 5 *seconds.*

Masa, *t* (saat) ***Time, t* (*seconds*)**	0	1	2	3	4	5
Laju, *v* (m s^{-1}) ***Speed, v* (m s^{-1})**	0	20	40	60	80	100

Jadual 2 / *Table* 2

Lukis graf laju-masa berdasarkan maklumat dalam jadual tersebut.
Draw a speed-time graph based on the information in the table.

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

6 Rajah 3 ialah graf laju-masa yang menunjukkan kelajuan sebuah teksi dalam tempoh 40 minit.
Diagram 3 *is a speed-time graph showing the speed of a taxi in* 40 *minutes.*
Hitung/*Calculate*

(a) jumlah jarak, dalam km, yang dilalui oleh teksi itu dalam tempoh 40 minit,
the total distance, in km*, travelled by the taxi in* 40 *minutes,*

(b) laju purata, dalam km j^{-1}, teksi itu dalam tempoh 40 minit.
the average speed, in km h^{-1}*, of the taxi in the period of* 40 *minutes.*

[4 markah/*marks*]



Rajah 3 / *Diagram* 3

Jawapan/*Answer*:

7 Rajah 4 ialah graf laju-masa yang menunjukkan pergerakan kereta Cik Izazi dalam tempoh 45 saat.
Diagram 4 *is a speed-time graph showing the movement of Cik Izazi's car in a period of* 45 *seconds.*



Rajah 4 / *Diagram* 4

(a) Hitung kadar perubahan laju terhadap masa, dalam m s^{-1}, bagi 15 saat yang pertama.
Calculate the rate of change of speed, in m s^{-1}*, for the first* 15 *seconds.*

(b) Huraikan pergerakan kereta bagi tempoh 15 saat yang kedua.
Describe the motion of the car for the second period of 15 *seconds.*

(c) Hitung jumlah jarak, dalam km, yang dilalui dalam tempoh 45 saat.
Calculate the total distance, in km*, travelled in the period of* 45 *minutes.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 4

8 (a) Rajah 5 menunjukkan jarak di antara tiga lokasi di Bandar Sentosa.
Diagram 5 *shows the distance between three locations in Bandar Sentosa.*



Rajah 5 / *Diagram* 5

Pada pukul 10:00 pagi, Zikry ke Warung Wak dari rumahnya untuk makan tengah hari dengan menunggang motosikal dan seterusnya menuju ke Kedai Mat. Dia tiba di Kedai Mat pada pukul 11:15 pagi. Hitung laju purata keseluruhan perjalanannya dalam km j^{-1}.
At 10:00 a.m.*, Zikry went to Warung Wak from his house for having lunch on a motorcycle and then headed to Mat Shop. He arrived at Mat Shop at* 11:15 a.m.*. Calculate the average speed of the entire journey in* km h^{-1}.

(b) Rajah 6 menunjukkan graf laju-masa bagi pergerakan sebuah basikal dalam tempoh 32 saat.
Diagram 6 *shows the speed-time graph for the movement of a bicycles in a period of* 32 *seconds.*



Rajah 6 / *Diagram* 6

(i) Nyatakan laju seragam, dalam m s^{-1}, basikal itu.
State the uniform speed, in m s^{-1}*, of the bicycle.*

(ii) Hitung kadar perubahan laju basikal, dalam m s^{-2}, bagi 16 saat terakhir.
Calculate the rate of change of speed, in m s^{-2}*, of the bicycle for the last* 16 *minutes.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

LATIHAN TAMBAHAN

Menguasai | Belum Menguasai

BAB 8

Sukatan Serakan Data Tak Terkumpul

Measures of Dispersion for Ungrouped Data

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Maksud Serakan
The Meaning of Dispersion

1 Sukatan serakan suatu data ialah **sukatan kuantitatif** seperti julat, julat antara kuartil, varians dan sisihan piawai.
*Measures of dispersion of set of a data are **quantitative measures** such as range, interquartile range, variance and standard deviation.*

2 Jika set data mempunyai **julat yang kecil**, maka **serakan adalah kecil**.
*If data set has a **small range**, then **the dispersion is small**.*

Plot Batang-dan-Daun
Stem-and-Leaf Plot

1 Plot batang-dan-daun merupakan satu cara untuk menunjukkan taburan suatu set data.
A stem-and-leaf plot is a way to show the distributions of a set of data.

2 Melalui plot batang-dan-daun, kita dapat melihat sama ada data adalah cenderung kepada satu nilai atau nilai manakah yang paling kerap muncul atau data manakah yang paling kurang muncul.
Through the stem-and-leaf plot, we can see whether the data is more likely to appear or least likely to appear.

Plot Titik
Dot Plot

1 Plot titik ialah carta statistik yang mengandungi titik-titik yang diplot dengan menggunakan skala seragam.
A dot plot is a statistical chart that contains points plotted using a uniform scale.

2 Setiap titik mewakili satu cerapan.
Each point represents a value.

3 Cerapan merupakan data atau dapatan yang diperoleh daripada sesuatu pemerhatian.
A value is a data or results obtained from an observation.

Menentukan Julat Antara Kuartil, Min, Varians dan Sisihan Piawai
Determine the Interquartile Range, Mean, Variance and Standard Deviation

1 Julat antara kuartil = Kuartil ketiga, Q_3 – Kuartil pertama, Q_1
Interquartile range = Third quartile, Q_3 – First quartile, Q1

2 Min/*Mean*, $\bar{x} = \frac{\Sigma x}{N}$

3 Min/*Mean*, $\bar{x} = \frac{fx}{f}$

4 Varians/*Variance*, $\sigma^2 = \frac{\Sigma(x-\bar{x})^2}{N} = \frac{\Sigma x^2}{N} - \bar{x}^2$

5 Varians/*Variance*, $\sigma^2 = \frac{\Sigma f(x-\bar{x})^2}{\Sigma f} = \frac{\Sigma fx^2}{\Sigma f} - \bar{x}^2$

6 Sisihan piawai/*Standard deviation*, $\sigma = \sqrt{\frac{\Sigma f(x-\bar{x})^2}{N}} = \sqrt{\frac{\Sigma x^2}{N} - \bar{x}^2}$

7 Sisihan piawai/*Standard deviation*, $\sigma = \sqrt{\frac{\Sigma f(x-\bar{x})^2}{\Sigma f}} = \sqrt{\frac{\Sigma fx^2}{\Sigma f} - \bar{x}^2}$

Apakah kesan perubahan sukatan serakan apabila setiap nilai dalam suatu set data didarab atau dibahagikan dengan suatu pemalar?
What are the effects on the measures of dispersion when each value of a set of data is multiplied or divided by a constant?

	Apabila setiap cerapan dalam suatu set data didarab dengan suatu pemalar, k, maka *When each of a set of data is multiplied by a constant k, then*	Apabila setiap cerapan dalam suatu set data dibahagi dengan suatu pemalar, k, maka *When each of a set of data is divided by a constant k, then*
Julat baharu *New range*	$= k \times$ julat asal $k \times$ *original range*	$= \frac{\text{julat asal/}\textit{original range}}{k}$
Julat antara kuartil baharu *New interquartile range*	$= k \times$ julat antara kuartil asal $k \times$ *original interquartile range*	$= \frac{\text{julat antara kuartil asal/}\textit{original interquartile range}}{k}$
Sisihan piawai baharu *New standard deviation*	$= k \times$ sisihan piawai asal $k \times$ *original standard deviation*	$= \frac{\text{sisihan piawai asal/}\textit{original standard deviation}}{k}$
Varians baharu *New variance*	$= k^2 \times$ varians asal $k^2 \times$ *original variance*	$= \frac{\text{varians asal/}\textit{original variance}}{k^2}$

Tingkatan 4

LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1 Jadual 1 menunjukkan upah harian bagi sekumpulan pekerja.
Table 1 *shows the daily wage of a group of workers.*

Upah (RM) ***Wage* (RM)**	55	65	75	85	95
Kekerapan ***Frequency***	7	8	10	6	4

Jadual 1 / *Table* 1

Tentukan julat antara kuartil bagi data itu.
Determine the interquartile range of the data.

A 20 **C** 65
B 55 **D** 85

2 Jadual kekerapan berikut menunjukkan masa ulang kaji bagi beberapa orang murid.
The following frequency table shows the time for revision of a group of students.

Masa ulang kaji (j) ***Time for revision* (h)**	**Kekerapan** ***Frequency***
1	5
2	10
3	14
4	7
5	4

Jadual 2 / *Table* 2

Hitung sisihan piawai bagi data itu
Calculate the standard deviation of the data.

A 1.144
B 1.309
C 1.414
D 1.714

3 Rajah 1 menunjukkan suatu plot kotak yang mewakili umur sekumpulan guru.
Diagram 1 *shows a box-plot which represents the age of a group of teachers.*



Rajah 1 / *Diagram* 1

Tentukan julat antara kuartil.
Determine the interquartile range.

A 6
B 8
C 14
D 18

4 Rajah 2 ialah plot batang-dan-daun yang menunjukkan markah Matematik bagi murid kelas 5 Bestari dalam satu ujian.
Diagram 2 is a stem-and-leaf plot showing the Mathematics marks of the students in 5 Bestari in a test.

Batang *Stem*	Daun *Leaf*
3	5
4	3 6 7
5	1 1 2 3
6	0 2 3 4 5 9
7	0 2 2 3 4 4 5 9
8	0 2 5

Kekunci: 3 | 5 bermakna 35 markah
Key: 3 | 5 *means* 35 *marks*

Rajah 2 / *Diagram* 2

Murid yang mendapat kurang daripada 60 markah perlu menghadiri kelas pemulihan. Hitung peratus murid yang tidak perlu menghadiri kelas pemulihan.
Students who achieve less than 60 marks need to attend the remedial class. Calculate the percentage of the sudents who do not need to attend the remedial class.

A 24%
B 32%
C 40%
D 68%

5 Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan umur bagi 88 orang pekerja di sebuah kilang.
Table 3 shows the frequency distribution of the ages of 88 workers in a factory.

Umur (tahun) ***Age (year)***	**Bilangan pekerja** ***Number of workers***
26 – 30	3
31 – 35	9
36 – 40	27
41 – 45	31
46 – 50	11
51 – 55	5
56 – 60	2

Jadual 3 / *Table* 3

Hitung min umur bagi seorang pekerja itu.
Calculate the mean of the ages of a worker.

A 39.47
B 41.47
C 43.47
D 45.47

6 Rajah 3 ialah sebuah plot batang-dan-daun yang menunjukkan bilangan tin aluminium yang dikumpul oleh sekumpulan pengakap.
Diagram 3 is a stem-and-leaf plot showing the number of aluminium cans collected by a group of scouts.

Batang *Stem*	Daun *Leaf*
2	0 5 8 9
3	1 2 4 6 8 8
4	0 1 2 5
5	3 4 7

Kekunci: 2 | 0 bermaksud 20 tin
Key: 2 | 0 *means* 20 *cans*

Rajah 3 / *Diagram* 3

Tentukan julat bagi data itu.
Determine the range of the data.

A 20
B 37
C 42
D 57

7 Rajah 4 menunjukkan plot batang-dan-daun bagi umur pekerja di sebuah syarikat pembersihan.
Diagram 4 shows the stem-and-leaf plot for the age of workers in a cleaning company.

Batang *Stem*	Daun *Leaf*
2	1 2 3 5
3	3 4 5 7 7
4	1 2 3 4 6 8
5	0 1 2

Kekunci: 2 | 3 bermaksud 23
Key: 2 | 3 *means* 23

Rajah 4 / *Diagram* 4

Nyatakan julat umur yang paling kerap muncul.
State the range of age that appear most frequent.

A 23 hingga/*to* 27
B 30 hingga/*to* 38
C 41 hingga/*to* 49
D 50 hingga/*to* 55

Tingkatan 4

Soalan Subjektif

Jawab semua soalan.

1 Rajah 1 menunjukkan markah ujian Sains bagi 15 orang murid Tingkatan 4 Cemerlang.
Diagram 1 *shows the marks of Science test for* 15 *students of Form* 4 *Cemerlang.*

80	75	82	66	52
60	68	83	64	69
71	57	74	80	77

Rajah 1 / *Diagram* 1

(a) Hitung julat dan julat antara kuartil bagi markah ujian Sains tersebut.
Calculate the range and the interquartile range for the marks of the Science test.

(b) Lukis plot batang-dan-daun bagi mewakili markah ujian Sains tersebut.
Draw a stem-and-leaf plot to represent the marks of the Science test.

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

2 Hitung julat dan julat antara kuartil bagi set data 1, 2, 3, 5, 6, 7, 9, 10, 11 dan 30. Tentukan sukatan serakan yang paling sesuai digunakan untuk mengukur taburan set data tersebut, dan justifikasikan jawapan anda.
Calculate the range and the interquartile range for the data set 1, 2, 3, 5, 6, 7, 9, 10, 11 *and* 30*. Determine the most suitable measures of dispersion that can be used to measure the distribution of the set of data, and justify your answer.*

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

3 Cikgu Salmiah ingin menentukan seorang wakil sekolah ke satu pertandingan berdasarkan markah keenam-enam ujian yang diperoleh murid. Asmawi dan Jason telah dicalonkan untuk mewakili sekolah. Jadual 1 menunjukkan maklumat markah ujian yang diperoleh Asmawi dan Jason.
Teacher Salmiah wants to determine a school representative to a competition based on the marks of the six tests obtained by pupils. Asmawi and Jason are nominated to represent the school. Table 1 *shows the information of the test marks obtained by Asmawi and Jason.*

Ujian *Test*	**Asmawi**	**Jason**
1	70	2002_3
2	61	64
3	67	132_4
4	60	124_7
5	48	60
6	50	79

Jadual 1 / *Table* 1

(a) Hitung min dan sisihan piawai markah ujian bagi Asmawi dan Jason.
Calculate the mean and standard deviation of the test marks for Asmawi and Jason.

(b) Antara Asmawi dan Jason, siapakah yang layak mewakili sekolah ke pertandingan itu? Berikan alasan anda.
Between Asmawi and Jason, who is eligible to represent the school for the competition? Give your reasons.

[8 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

4 Bina plot kotak bagi data berikut. Seterusnya, hitung varians dan sisihan piawai bagi data tersebut.
Construct a box plot for each of the following data. Hence, calculate the variance and standard deviation of the data.

(a) 5 5 6 6 7 10 10 11 12 13 13 13 15 16 16 16 20 22 24 24

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:



(b) 19 11 11 18 15 21 22 13 45 30 42 12 20 34 17

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:



BAB 9

Kebarangkalian Peristiwa Bergabung
Probability of Combined Events

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Ruang Sampel
Sample Space

- Set semua kesudahan yang mungkin bagi satu peristiwa bergabung.
  The set of all possible outcomes for a combined event.
- Contoh/*Example*:
  Melambung dadu dan duit syiling.
  Rolling a die and flipping a coin.
  $S = \{(1, A), (1, G), (2, A), (2, G), (3, A), (3, G), (4, A), (4, G), (5, A), (5, G), (6, A), (6, G)\}$

  $n(S) = 12$

TIPS

Kebarangkalian **boleh ditulis** dalam bentuk **pecahan**, **peratus** atau **nombor perpuluhan**
Probability ***can be written*** *as a* ***fraction****, a* ***percentage****, or a* ***decimal number****.*

Rumus Kebarangkalian
Formula of Probability

$$P(A) = \frac{n(A)}{n(S)}$$

$$P(A') = 1 - P(A)$$



Hukum Pendaraban Kebarangkalian
Multiplication Rule of Probability



$P(A \text{ dan/ } and\ B) = P(A \cap B) = P(A) \times P(B)$

Hukum Penambahan Kebarangkalian
Addition Rule of Probability

Peristiwa tidak saling eksklusif
Non-mutually exclusive events



$P(A \cup B) = P(A) + P(B) - P(A \cap B)$

Peristiwa saling eksklusif
Mutually exclusive events



$P(A \cup B) = P(A) + P(B)$

Gambar Rajah Pokok
Tree Diagram



Kesudahan
Outcome

Kotak *B* / Kotak *A*	*X*	*Y*	*Z*
3	(3, *X*)	(3, *Y*)	(3, *Z*)
5	(5, *X*)	(5, *Y*)	(5, *Z*)
7	(7, *X*)	(7, *Y*)	(7, *Z*)
9	(9, *X*)	(9, *Y*)	(9, *Z*)

LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1 Sebiji dadu dan sekeping duit syiling dilambung. Cari kebarangkalian bahawa dadu menunjukkan satu nombor perdana dan duit syiling menunjukkan bahagian gambar.
A dice and a coin are tossed. Find the probability that the dice shows a prime number and the coin shows a head.

A $\frac{1}{6}$ **C** $\frac{1}{3}$

B $\frac{1}{4}$ **D** $\frac{1}{2}$

2 Beg *A* mengandungi lima gulung reben hitam dan empat gulung reben putih. Beg *B* mengandungi enam gulung reben hitam dan dua gulung reben putih. Dua gulung reben dikeluarkan, setiap satu masing-masing daripada beg *A* dan beg *B*. Hitung kebarangkalian bahawa kedua-dua reben itu sama warna.
Bag A contains five rolls of black ribbons and four rolls of white ribbons. Bag B contains six rolls of black ribbons and two rolls of white ribbons. Two rolls of ribbons are taken out randomly, each from bag A and bag B respectively. Calculate the probability that both rolls of ribbons are of the same colour.

A $\frac{1}{3}$

B $\frac{7}{18}$

C $\frac{1}{2}$

D $\frac{19}{36}$

3 Sebuah kotak mengandungi 15 biji mentol yang 3 biji daripadanya rosak. Dua biji mentol dipilih secara rawak dan diuji. Cari kebarangkaliam bahawa kedua-dua mentol itu rosak.
A box contains 15 bulbs of which 3 are faulty. Two bulbs are chosen randomly and tested. Find the probability that both bulbs are faulty.

A $\frac{3}{35}$

B $\frac{1}{35}$

C $\frac{1}{5}$

D $\frac{32}{35}$

4 Diberi $A = \{x : x \text{ ialah integer}, 5 \leqslant x \leqslant 28\}$. Suatu unsur dikeluarkan secara rawak daripada set *A*. Cari kebarangkalian bahawa satu gandaan 3 atau satu kuasa dua sempurna dipilih.
Given $A = \{x : x \text{ is an integer}, 5 \leqslant x \leqslant 28\}$. *An element is taken out randomly from set A. Find the probability that a multiple of* 3 *or a perfect square is selected.*

A $\frac{5}{14}$ **C** $\frac{1}{2}$

B $\frac{5}{12}$ **D** $\frac{7}{12}$

5 Terdapat 50 orang peserta mengambil bahagian dalam satu cabutan bertuah. Jika seorang peserta dipilih secara rawak, kebarangkalian seorang perempuan dipilih ialah $\frac{3}{5}$. Jika terdapat 10 orang perempuan dan 5 orang lelaki yang tidak layak untuk menyertai cabutan bertuah tersebut dan dikeluarkan daripada kumpulan ini, hitung kebarangkalian seorang peserta perempuan dipilih.
There are 50 *people taken part in a lucky draw. If a person is chosen randomly, the probability of getting a female participant is* $\frac{3}{5}$. *If there are* 10 *females and* 5 *males who did not qualify for the lucky draw and have been removed from the group, find the probability that a female participant will be chosen.*

A $\frac{4}{7}$ **C** $\frac{2}{9}$

B $\frac{5}{6}$ **D** $\frac{3}{5}$

6 Ali, Bosco dan Cassandra membuat satu tembakan setiap seorang pada sasaran. Kebarangkalian bahawa tembakan Ali, Bosco dan Cassandra terkena sasaran masing-masing ialah $\frac{2}{5}$, $\frac{3}{4}$ dan $\frac{2}{3}$. Hitung kebarangkalian bahawa hanya tembakan Bosco terkena sasaran.
Ali, Bosco, and Cassandra fire one shot each at a target. The probability that Ali, Bosco and Cassandra will hit the target are $\frac{2}{5}$, $\frac{3}{4}$ *and* $\frac{2}{3}$ *respectively. Calculate the probability that only Bosco hit the target.*

A $\frac{3}{20}$ **C** $\frac{19}{20}$

B $\frac{1}{5}$ **D** $\frac{7}{16}$

Soalan Subjektif

Jawab semua soalan.

1 Rajah 1 menunjukkan 10 keping kad berlabel huruf dan angka.
Diagram 1 *shows* 10 *cards labelled with letters and numbers.*

Rajah 1 / *Diagram* 1

Suffian memasukkan semua kad berlabel huruf vokal dan nombor kuasa dua sempurna ke dalam sebuah bekas. Kemudian, dia mengeluarkan dua keping kad satu demi satu tanpa penggantian.
Sufian puts all the cards labelled with vowels and perfect square numbers into a container. Then, he draws two cards one by one without replacement.

(a) Senaraikan ruang sampel./*List all the sample space.*

(b) Dengan menyenaraikan semua kesudahan yang mungkin, hitung kebarangkalian bahawa:
By listing all the possible outcomes, calculate the probability that:

(i) Sufian mengeluarkan kad pertama berlabel huruf *E* atau kad kedua berlabel dengan nombor yang merupakan faktor bagi 36,
Sufian draws the first card labelled with the letter E or the second card labelled with a number that is a factor of 36*,*

(ii) Sufian mengeluarkan sekeping kad dengan huruf *U* dan sekeping kad dilabel dengan nombor ganjil.
Sufian draws a card labelled with letter U and a card labelled with an odd number.

[6 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 4

---

2 Rajah 2 menunjukkan empat keping kad huruf di dalam kotak *P* dan tiga keping kad nombor di dalam kotak *Q*.
Diagram 2 *shows four letter cards in box P and three number cards in box Q.*
Sekeping kad dipilih secara rawak daripada setiap kotak. Senaraikan semua kesudahan bagi peristiwa bergabung yang berikut.
A card is chosen at random from each box. List all the possible outcomes of the following combined events.

(a) Satu vokal atau satu nombor perdana dipilih.
A vowel or a prime number is chosen.

(b) Satu vokal dan satu nombor perdana dipilih.
A vowel and a prime number are chosen.



Kotak *P*/*Box P*



Kotak *Q*/*Box Q*

Rajah 2 / *Diagram* 2

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

3 Jadual 1 menunjukkan bilangan atlet mengikut jantina di dua kelas yang berbeza. Bilangan atlet perempuan kelas *B* tidak ditunjukkan.
Table 1 *shows the number of athletes by gender in two different classes. The number of female athlete in class B is not shown.*

Kelas ***Class***	**Lelaki** ***Male***	**Perempuan** ***Female***
A	10	2
B	7	*M*

Jadual 1 / *Table* 1

(a) Seorang atlet dipilih secara rawak dari setiap kelas. Cari nilai *M* jika kebarangkalian kedua-dua atlet yang dipilih adalah jantina yang berbeza dari kelas yang berbeza iaitu $\frac{37}{78}$.
An athlete is randomly selected from each class. Find the value of M if the probability that both selected athletes are of different genders from different classes is $\frac{37}{78}$.

(b) Dua orang atlet dipilih secara rawak, seorang dari setiap kelas. Cari kebarangkalian sekurang-kurangnya seorang atlet perempuan dipilih.
Two athletes are randomly selected, one from each class. Find the probability that at least one female athlete is selected.

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

4 Semua guru di SMK Telok memiliki komputer riba. Bilangan guru lelaki dan perempuan yang memiliki komputer riba jenama *K* dan *L* ditunjukkan dalam Jadual 2.
All teachers at SMK Telok have a laptop. The number of male and female teachers who own laptops of brand K and L is shown in the table below.

Jenama komputer riba ***Laptop brand***	**Lelaki** ***Male***	**Perempuan** ***Female***
K	30	50
L	60	20

Jadual 2 / *Table* 2

Seorang guru dipilih secara rawak dalam kalangan guru SMK Telok. Hitung kebarangkalian bahawa
A teacher is randomly selected among the teachers at SMK Telok. Calculate the probability that

(a) seorang guru lelaki memiliki komputer riba jenama *K* atau seorang guru perempuan memiliki komputer riba jenama *L*,
a male teacher owns a brand K laptop or a female teacher owns a brand L laptop,

(b) seorang guru perempuan atau seorang guru memiliki komputer riba jenama *K*.
a female teacher or a teacher owns a brand K laptop.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

5 Dua jenis telefon pintar, *A* dan *B*, dihasilkan di sebuah kilang. Kebarangkalian kedua-dua jenis telefon pintar dalam keadaan baik dan rosak adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.
Two types of smartphones, A and B, are produced in a factory. The probabilities of both types of smartphones being in good condition and defective are shown in Table 3.

Keadaan ***Condition***	**Telefon pintar *A*** ***Smartphone A***	**Telefon pintar *B*** ***Smartphone B***
Baik *Good*	$\frac{32}{40}$	x
Rosak *Defect*	y	$\frac{4}{35}$

Jadual 3 / *Table* 3

(a) Lengkapkan Jadual 3 dengan mengenal pasti nilai x dan y.
Complete Table 3 *by identify the values of x and y.*

(b) Rajah 3 di ruang jawapan menunjukkan gambar rajah pokok yang tidak lengkap. Berdasarkan maklumat pada Jadual 3, lengkapkan gambar rajah pokok tersebut.
Diagram 3 *in the answer space shows an incomplete tree diagram. Based on the information in Table* 3*, complete the tree diagram.*

(c) Seterusnya, hitung kebarangkalian sekurang-kurangnya sebuah telefon pintar yang dipilih mengalami kerosakan.
Next, calculate the probability that at least one of the selected smartphones is defective.

[6 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

(a)

(b)



Rajah 3 / *Diagram* 3

(c)

6 Ratesh ke sekolah sama ada menaiki bas atau motosikal. Kebarangkalian Ratesh menaiki bas ialah 0.75. Sekiranya dia menaiki bas, kebarangkalian dia sampai lewat ke sekolah ialah $\frac{3}{10}$ dan jika dia menaiki motosikal, kebarangkalian dia lewat ke sekolah ialah $\frac{1}{5}$.

Ratesh goes to school either by bus or motorcycle. The probability that Ratesh takes the bus is 0.75*. If he takes the bus, the probability that he arrives late to school is* $\frac{3}{10}$*, and if he takes the motorcycle, the probability that he is late to school is* $\frac{1}{5}$.

(a) Rajah 4 di ruang jawapan menunjukkan gambar rajah pokok yang tidak lengkap. Lengkapkan gambar rajah pokok itu.
Diagram 4 *in the answer space shows an incomplete tree diagram. Complete the tree diagram.*

(b) Berdasarkan gambar rajah pokok tersebut, cari kebarangkalian bahawa
Based on the tree diagram, find the probability that

(i) Ratesh menaiki motosikal dan lewat ke sekolah,
Ratesh rides the motorcycle and is late to school,

(ii) Ratesh lewat ke sekolah,
Ratesh is late to school,

(iii) Ratesh tidak lewat ke sekolah.
Ratesh is not late to school.

[8 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

(a)



Rajah 4 / *Diagram* 4

(b) (i)

(ii)

(iii)

BAB 10

Matematik Pengguna: Pengurusan Kewangan

Consumer Mathematics: *Financial Management*

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Proses pengurusan kewangan merupakan suatu proses yang melibatkan pengurusan wang daripada sumber pendapatan terhadap simpanan, perbelanjaan, perlindungan dan pelaburan.
Financial management *is a proses that involves managing money from sources of income into savings, expenses, protections and investment.*

Proses Pengurusan Kewangan
Financial Process Management

1 Menetapkan matlamat kewangan
Setting financial goals

- Matlamat jangka pendek
  Short-term financial goals
- Matlamat jangka panjang
  Long-term financial goals

2 Menilai kedudukan kewangan
Evaluating financial status

- Aset
  Assets
- Liabiliti
  Liabilities

3 Mewujudkan pelan kewangan
Creating a financial plan

- Pendapatan aktif dan pendapatan pasif
  Active income and passive income
- Perbelanjaan tetap dan perbelanjaan tidak tetap
  Fixed expenses and variable expenses
- Aliran tunai positif
  Positive cash flow
- Aliran tunai negatif
  Negative cash flow

4 Melaksanakan pelan kewangan
Carrying out financial plan

- Mendahulukan simpanan sebanyak 10% daripada jumlah pendapatan sebelum melibatkan perbelanjaan.
  Set aside 10% *saving of the total income before engaging any expenses.*

5 Mengkaji semula dan menyemak kemajuan
Reviewing and revising the progress

Matlamat kewangan ***SMART***.
SMART *financial goals.*

S → *Specific* (Khusus)

M → *Measurable* (Boleh diukur)

A → *Attainable* (Boleh dicapai)

R → *Realistic* (Realistik)

T → *Time-bound* (Tempoh masa)

LATIHAN INTENSIF

Soalan Subjektif

Jawab semua soalan.

1 Dini bekerja sebagai seorang pegawai sains. Pendapatan dan perbelanjaan bulanannya masing-masing ialah RM3 750 dan RM2 400. Dia bercadang untuk membeli sebuah motosikal yang berharga RM15 600 secara tunai dalam tempoh setahun. Adakah Dini akan mencapai matlamat kewangannya? Jelaskan.
Dini works as a science officer. His monthly income and expenses are RM3 750 *and* RM2 400 *respectively. He plans to buy a motorcycle that costs* RM15 600 *in cash within a year. Will Dini achieve his financial goal? Explain.*

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

2 Pada bulan April, Nurin menerima gaji sebanyak RM1 900 dan komisen sebagai agen insurans sebanyak RM1 187.60. Perbelanjaan tetap dan tidak tetap Nurin pada bulan itu masing-masing ialah RM2 850 dan RM780. Tentukan aliran tunai Nurin pada bulan itu.
In April, Nurin receives RM1 900 *as a salary and commision* RM1 187.60 *as an insurance agent. In that month, her fixed and non-fixed expenses are* RM2 850 *and* RM780 *respectively. Determine Nurin's cash flow for that month.*

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

3 Puan Pitriah bekerja sebagai seorang pereka fesyen dengan gaji bulanan RM9 000. Dia juga menerima RM1 300 setiap bulan hasil sewa pangsapurinya. Perbelanjaan tetap bulanan dan perbelanjaan tidak tetap bulanannya masing-masing ialah RM5 430 dan RM3 500. Jika Puan Pitriah menetapkan 10% daripada gajinya sebagai simpanan tetap bulanan, hitung aliran tunai bulanannya.
Puan Pitriah works as fashion designer with a monthly salary of RM9 000. *She also receives* RM1 300 *monthly from her apartment rental. Her monthly fixed expenses and monthly variable expenses are* RM5 430 *and* RM3 500. *If Puan Pitriah sets aside* 10% *of her salary as a fixed monthly saving, calculate her monthly cash flow.*

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

4 Jadual 1 menunjukkan pelan kewangan Encik Hafiy.
Table 1 shows a financial plan of Encik Hafiy.

Pelan Kewangan Encik Hafiy ***Encik Hafiy's Financial Plan***		
Pendapatan dan Perbelanjaan ***Income and Expenditure***	**Pelan Kewangan** ***Financial plan*** **(RM)**	
Pendapatan/*Income* Pendapatan bulanan/*Monthly income* Tolak simpanan untuk dana kecemasan *Minus saving for emergency fund*	7 000 *P*	
Baki pendapatan/*Income balance*		*Q*
Perbelanjaan tetap bulanan ***Monthly fixed expenses*** Pinjaman bank/*Bank loans* Premium insurans/*Insurance premium*	 2 500 550	
Jumlah perbelanjaan tetap bulanan *Total monthly fixed expenses*		*R*
Perbelanjaan tidak tetap bulanan ***Monthly variable expenses*** Bil utiliti/*Utility bills* Makanan dan minuman/*Food and drinks* Perbelanjaan petrol/*Petrol expenses* Hiburan/*Entertainment*	 350 *S* 400 380	
Jumlah perbelanjaan tidak tetap bulanan *Total monthly variable expenses*		2 020
Lebihan pendapatan/Defisit *Surplus of income/Deficit*		1 580

Jadual 1 / *Table* 1

Berdasarkan pelan kewangan Encik Hafiy, tentukan nilai *P*, *Q*, *R* dan *S*.
Based on the financial plan of Encik Hafiy, determine the values of P, Q, R and S.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 4

LATIHAN TAMBAHAN

BAB 1 Ubahan
Variation

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Pernyataan *Statement*	**Hubungan** *Relation* **Menggunakan simbol '$\propto$'** *Using symbol '$\propto$'*	**Persamaan dengan *k* sebagai pemalar bagi ubahan** *Equation with k as constant of variation*
y berubah secara langsung dengan x *y varies directly as x*	$y \propto x$	$y = kx$
y berubah secara songsang dengan x *y varies inversely as x*	$y \propto \frac{1}{x}$	$y = \frac{k}{x}$
y berubah secara langsung dengan x dan z *y varies directly as x and z*	$y \propto xz$	$y = kxz$
y berubah secara songsang dengan x dan z *y varies inversely as x and z*	$y \propto \frac{1}{xz}$	$y = \frac{k}{xz}$
y berubah secara langsung dengan x dan secara songsang dengan z *y varies directly as x and varies inversely as z*	$y \propto \frac{x}{z}$	$y = \frac{kx}{z}$

Contoh/*Example*:

Sebuah kilang menghasilkan barangan mengikut bilangan pekerja. Diberi bahawa bilangan barang yang dihasilkan, B, berkadar langsung dengan bilangan pekerja, P. Jika 8 orang pekerja dapat menghasilkan 240 unit barang,
A factory produces goods according to the number of workers. Given that the number of goods produced, B, is directly proportional to the number of workers, P. If 8 workers can produce 240 units of goods,

(a) ungkapan bagi B dalam sebutan P,
expression for B in terms of P,

(b) tentukan bilangan barang yang dihasilkan jika terdapat 12 orang pekerja,
determine the number of goods produced if there are 12 workers,

(c) tentukan bilangan pekerja yang diperlukan untuk menghasilkan 450 unit barang.
determine the number of workers required to produce 450 units of goods.

Penyelesaian:

(a) $B \propto P$
$B = kP$
$240 = k(8)$
$k = 30$

$B = 30P$

(b) $B = 30(12)$
$= 360$
Maka, jika terdapat 12 orang pekerja, sebanyak **360 unit barang** akan dihasilkan.
Hence, **360 *units of goods*** *can be produced if there are 12 workers.*

(c) $450 = 30P$
$P = 15$
Maka, seramai **15 orang pekerja** diperlukan untuk menghasilkan 450 unit barangan.
Hence, **15 *workers*** *are required to produce 450 units of goods.*

LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1 Jika y berubah secara langsung dengan x dan songsang dengan z, dan $y = 10$ apabila $x = 5$ dan $z = 2$, apakah nilai y apabila $x = 8$ dan $z = 4$?
If y varies directly as x and inversely as z, and $y = 10$ when $x = 5$ and $z = 2$, what is the value of y when $x = 8$ and $z = 4$?

A 5 **C** 10
B 8 **D** 16

2 Jadual 1 menunjukkan hubungan antara tiga kuantiti, X, Y dan Z. Diberi bahawa X berubah secara langsung dengan kuasa tiga Y dan secara songsang dengan punca kuasa dua Z. Cari nilai m dan n.
Table 1 shows the relationship between three quantities, X, Y and Z. Given that X varies directly as the cube of Y and inversely as the square root of Z. Find the values of m and n.

X	10	*m*	100
Y	5	2	*n*
Z	2.25	0.64	1.44

Jadual 1 / *Table 1*

A $m = 1.3$, $n = 10.2$
B $m = 1.2$, $n = 10$
C $m = 1.5$, $n = 9.5$
D $m = 1.1$, $n = 9.8$

3 Diberi bahawa p berubah secara langsung dengan kuasa tiga q dan secara songsang dengan punca kuasa dua r. Jika $p = 54$ apabila $q = 3$ dan $r = 16$, cari nilai p apabila $q = 4$ dan $r = 25$.
Given that p varies directly as the cube of q and inversely as the square root of r. If $p = 54$ when $q = 3$ and $r = 16$, find the value of p when $q = 4$ and $r = 25$.

A 64 **C** 80
B 72 **D** 102.4

4 Tarikan graviti, F, berubah secara songsang dengan kuasa dua jarak di antara dua objek, d. Diberi bahawa tarikan graviti antara dua objek ialah 24 N apabila jarak di antaranya ialah 2.5 cm. Cari ungkapan bagi F dalam sebutan d.
The gravitational pull, F, varies inversely as the square of the distance between the two objects, d. Given that the gravitational pull between the two objects is 24 N when the distance between them is 2.5 cm. Find an expression for F in terms of d.

A $F = \frac{60}{d^2}$
B $F = \frac{100}{d^2}$
C $F = \frac{150}{d^2}$
D $F = \frac{240}{d^2}$

5 Seorang tukang jahit mendapati bahawa masa, T jam, yang diambil untuk menjahit baju adalah berkadar langsung dengan bilangan baju, N dan berkadar songsang dengan bilangan pekerja, P, yang menjahit. Jika 4 orang pekerja mengambil masa 6 jam untuk menyiapkan 12 helai baju, berapakah masa yang diambil oleh 6 orang pekerja untuk menyiapkan 18 helai baju?
A tailor finds that the time, T hours, taken to sew the shirts is varies directly as the number of shirts, N and varies inversely as the number of workers, P. If 4 workers take 6 hours to complete 12 shirts, how long will it take 6 workers to complete 18 shirts?

A 4 jam/*hours*
B 6 jam/*hours*
C 8 jam/*hours*
D 9 jam/*hours*

6 Aminah mengusahakan sebuah kedai kek. Dia memerlukan 500 g gula dan 300 g marjerin untuk menghasilkan 150 biji kek cawan. Diberi bahawa bilangan kek cawan yang dihasilkan, C, berubah secara langsung dengan jisim gula, G, dan jisim marjerin, M, yang digunakan.
Aminah runs a cake shop. She needs 500 g of sugar and 300 g of margarine to make 150 cupcakes. Given that the number of cupcakes produced, C, varies directly as the mass of sugar, G, and the mass of margarine, M, used.
Ungkapkan C dalam sebutan G dan M.
Express C in terms of G and M.

A $C = 0.005GM$
B $C = 0.0005GM$
C $C = 0.002GM$
D $C = 0.001GM$

Soalan Subjektif

Jawab semua soalan.

1 Diberi P berubah secara langsung dengan punca kuasa dua Q dan $P = 15$ apabila $Q = 9$.
Given that P varies directly as the square root of Q and P = 15 when Q = 9.

(a) Hitung nilai P apabila $Q = 49$.
Calculate the value of P when Q = 49.

(b) Hitung nilai Q apabila $P = 55$.
Calculate the value of Q when P = 55.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

2 Seorang pelajar mendapati bahawa nilai n berubah secara langsung dengan $8m - 3$. Dia mengetahui bahawa apabila $m = 6$, nilai n ialah 270. Sekarang, dia ingin menentukan nilai m apabila $n = 18$. Bantu pelajar tersebut menyelesaikan masalah ini dengan menunjukkan langkah pengiraan yang jelas dan tepat.
A student found that the value of n varies directly as 8m – 3. He knows that when m = 6, the value of n is 270. Now, he wants to determine the value of m when n = 18. Help the student solve this problem by showing the clear and precise calculation steps.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

3 Diberi luas permukaan, S, sebuah sfera berubah secara langsung dengan kuasa dua jejari, j. Jika luas permukaannya ialah 343 cm^2 apabila jejarinya 3.5 cm, hitung perubahan luas permukaan sfera jika jejarinya dua kali lebih besar.
Given the surface area, S, of a sphere changes directly as the square of the radius, j. If the surface area is 343 cm^2 *when the radius is* 3.5 cm*, calculate the change in surface area of a sphere if the radius is two times larger.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

4 Diberi x berubah secara songsang dengan $(y + 10)$ dan $x = 8$ apabila $y = 8$.
Given x varies inversely as $(y + 10)$ *and* $x = 8$ *when* $y = 8$.

(a) Hitung nilai x apabila $y = 6$.
Calculate the value of x when $y = 6$.

(b) Hitung nilai y apabila $x = -64$.
Calculate the value of y when $x = -64$.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

5 Ali merekod data eksperimen bagi tiga pemboleh ubah iaitu *R*, *S* dan *T*. Jadual 1 menunjukkan maklumat yang berkaitan tiga pemboleh ubah tersebut.
Ali recorded the experimental data of three variables, R, S and T. Table 1 *shows the information regarding the three variables.*

R	***S***	***T***
4.75	5	10
24.3	*x*	5
7.5	10	*y*

Jadual 1 / *Table* 1

Ali mendapati pemboleh ubah *T* berkadar langsung dengan *R* dan berkadar songsang dengan *S*. Hitung
Ali found out that variable T varies directlt as R and inversely as S. Calculate
(a) *x*,
(b) *y*.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

6 Nurmi ingin mengisi bungkusan hadiah berbentuk kotak dengan gula-gula. Bilangan gula-gula yang diperlukan, G, berubah secara songsang dengan isi padu setiap gula-gula, V. Diketahui bahawa Nurmi memerlukan 300 biji gula-gula jika setiap gula-gula mempunyai isi padu 2 cm^3.
Nurmi wants to fill a box-shaped gift package with sweets. The number of sweets needed, G, varies inversely as the volume of each sweet, V. It is known that Nurmi needs 300 *sweets if each sweet has a volume of* 2 cm^3.

(a) Berapakah bilangan gulu-gula yang diperlukan jika setiap gula-gula mempunyai isi padu 1.5 cm^3?
How many sweets are needed if each sweet has a volume of 1.5 cm^3*?*

(b) Jika saiz setiap gula-gula semakin besar, apakah yang akan berlaku kepada bilangan gula-gula yang diperlukan? Jelaskan.
If the size of each sweet gets bigger, what will happen to the number of sweets needed? Explain.

[6 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

BAB 2 Matriks
Matrices

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Peringkat Matriks
Order of Matrix

$$\begin{matrix}\text{Baris/}Row\ 1 \rightarrow \\ \text{Baris/}Row\ 2 \rightarrow \\ \text{Baris/}Row\ 3 \rightarrow\end{matrix}\begin{bmatrix}-1 & 8 & 10\\ 5 & 7 & -3\\ 2 & 4 & 1\end{bmatrix}$$

Lajur/*Column* 1 — Lajur/*Column* 2 — Lajur/*Column* 3

Peringkat matriks/*Order of matrix*:

$m \times n = 3 \times 3$

m = bilangan baris / *number of rows*; n = bilangan lajur / *number of columns*

Matriks Sama
Equal Matrices

$$A = \begin{bmatrix}16 & 4\\ -5 & 10\\ 8 & -7\end{bmatrix} \quad B = \begin{bmatrix}16 & 4\\ -5 & 10\\ 8 & -7\end{bmatrix}$$

$A = B$

- Sama peringkat/*Same order*
- Unsur sepadan yang sama
  Same of the corresponding elements

Unsur/*Elements*:

$a_{21} = -5$ — baris/*row* 2, lajur/*column* 1

$b_{32} = -7$ — baris/*row* 3, lajur/*column* 2

Operasi Matriks/*Operation on Matrices*

Menambah dan Menolak Matriks
Add and Subtract Matrices

Boleh tambah/tolak jika matriks **sama peringkat**
Can add/subtract if the matrices have ***the same order***

$$\begin{bmatrix}4\\ -1\\ 6\end{bmatrix} + \begin{bmatrix}6\\ 13\\ 9\end{bmatrix} = \begin{bmatrix}4+(-6)\\ -1+13\\ 6+9\end{bmatrix} = \begin{bmatrix}-2\\ 12\\ 15\end{bmatrix}$$

Matriks Songsang
Inverse Matrix

Jika $A = \begin{bmatrix}a & b\\ c & d\end{bmatrix}$, maka $A^{-1} = \frac{1}{ad-bc}\begin{bmatrix}d & -b\\ -c & a\end{bmatrix}$.

If $A = \begin{bmatrix}a & b\\ c & d\end{bmatrix}$, *so* $A^{-1} = \frac{1}{ad-bc}\begin{bmatrix}d & -b\\ -c & a\end{bmatrix}$.

tukar kedudukan / *change the positions*

$$A = \begin{bmatrix}\textcircled{a} & \textcircled{b}\\ \textcircled{c} & d\end{bmatrix} \rightarrow A^{-1} = \frac{1}{ad-bc}\begin{bmatrix}d & -b\\ -c & a\end{bmatrix}$$

tukar simbol / *change the symbols*

$AA^{-1} = A^{-1}A = I$

I = Matrik identiti / *Identity matrix*

Mendarab Matriks dengan Suatu Nombor
Multiply a Matrix by a Number

$$(-4)\begin{bmatrix}4\\ -1\\ 6\end{bmatrix} = \begin{bmatrix}(-4)(4)\\ (-4)(-1)\\ (-4)(6)\end{bmatrix} = \begin{bmatrix}-16\\ 4\\ -24\end{bmatrix}$$

Mendarab Dua Matriks/*Multiply Two Matrices*

$$\begin{bmatrix}-4 & -3\\ -6 & 2\end{bmatrix}\begin{bmatrix}45\\ 44\end{bmatrix}$$

Peringkat/*Order*: $(2 \times \textcircled{2})(\textcircled{2} \times 1)$ — sama – boleh darab / *same – can multiply*

$$\begin{bmatrix}-4 & -3\\ -6 & 2\end{bmatrix}\begin{bmatrix}45\\ 44\end{bmatrix} = \begin{bmatrix}(-4)(45)+(-3)(44)\\ (-6)(45)+(2)(44)\end{bmatrix} = \begin{bmatrix}-312\\ -182\end{bmatrix}$$

Persamaan Linear Serentak
Simultaneous Linear Equation

$2x + 3y = 45$
$6x - 4y = 44$ ← Tukar kepada bentuk matriks / *Change to the matrix form*

$$\begin{bmatrix}2 & 3\\ 6 & -4\end{bmatrix}\begin{bmatrix}x\\ y\end{bmatrix} = \begin{bmatrix}45\\ 44\end{bmatrix}$$

$$\begin{bmatrix}x\\ y\end{bmatrix} = \frac{1}{(2)(-4)-(3)(6)}\begin{bmatrix}-4 & -3\\ -6 & 2\end{bmatrix}\begin{bmatrix}45\\ 44\end{bmatrix}$$

$$= \frac{1}{-26}\begin{bmatrix}-312\\ -182\end{bmatrix}$$

$$= \begin{bmatrix}12\\ 7\end{bmatrix}$$

Jawapan/*Answer*: $x = 12$, $y = 7$

LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1 $\begin{bmatrix}6 & 3\\8 & 2\end{bmatrix}+2\begin{bmatrix}3 & 1\\3 & -4\end{bmatrix}-\begin{bmatrix}-4 & 2\\-3 & 6\end{bmatrix}=$

A $\begin{bmatrix}8 & 3\\17 & 12\end{bmatrix}$ **C** $\begin{bmatrix}16 & 3\\17 & 12\end{bmatrix}$

B $\begin{bmatrix}8 & 7\\11 & -12\end{bmatrix}$ **D** $\begin{bmatrix}16 & 3\\17 & -12\end{bmatrix}$

2 Cari nilai n dalam persamaan matriks berikut:
Find the value of n in the following matrix equation:

$$\begin{bmatrix}3 & -2\\5 & 6\end{bmatrix}-2\begin{bmatrix}0 & 1\\2 & n\end{bmatrix}=\begin{bmatrix}3 & -4\\1 & 2\end{bmatrix}$$

A 1 **C** 3
B 2 **D** 4

3 $\begin{bmatrix}3\\2\end{bmatrix}-\begin{bmatrix}4\\-5\end{bmatrix}+\frac{1}{2}\begin{bmatrix}-6\\-4\end{bmatrix}=$

A $\begin{bmatrix}-4\\5\end{bmatrix}$ **C** $\begin{bmatrix}4\\5\end{bmatrix}$

B $\begin{bmatrix}4\\-5\end{bmatrix}$ **D** $\begin{bmatrix}-4\\-5\end{bmatrix}$

4 Diberi
Given

$$\begin{bmatrix}8 & 0\\-4 & 3\end{bmatrix}+\frac{1}{2}\begin{bmatrix}6 & -10\\8 & k\end{bmatrix}=\begin{bmatrix}11 & -5\\0 & -2\end{bmatrix}$$

Cari nilai k.
Find the value of k.

A 2 **C** –5
B –2 **D** –10

5 Diberi $[p \quad 4]\begin{bmatrix}2 & 0\\-p & 1\end{bmatrix}=[-6 \quad 4]$, hitung nilai p.

Given $[p \quad 4]\begin{bmatrix}2 & 0\\-p & 1\end{bmatrix}=[-6 \quad 4]$, *calculate the value of p.*

A –3 **C** 1
B –1 **D** 3

6 $\begin{bmatrix}2 & 3\\-1 & 2\end{bmatrix}\begin{bmatrix}4\\-2\end{bmatrix}=$

A $\begin{bmatrix}2\\-8\end{bmatrix}$ **C** $\begin{bmatrix}8 & 12\\2 & -4\end{bmatrix}$

B $\begin{bmatrix}20\\0\end{bmatrix}$ **D** $\begin{bmatrix}8 & -6\\-4 & -4\end{bmatrix}$

7 $\begin{bmatrix}4 & 0\\-3 & 1\\2 & 3\end{bmatrix}\begin{bmatrix}-4\\1\end{bmatrix}=$

A $\begin{bmatrix}-16\\8\\5\end{bmatrix}$ **C** $\begin{bmatrix}-16 & 0\\12 & 1\\-8 & 3\end{bmatrix}$

B $\begin{bmatrix}-16\\13\\-5\end{bmatrix}$ **D** $\begin{bmatrix}-16 & 0\\12 & 1\\2 & 3\end{bmatrix}$

8 Diberi $[2k \quad 6]\begin{bmatrix}4\\-1\end{bmatrix}=[18]$, cari nilai k.

Given $[2k \quad 6]\begin{bmatrix}4\\-1\end{bmatrix}=[18]$, *find the value of k.*

A 1 **C** 3
B 2 **D** 4

9 $[2 \quad -2 \quad 0]\begin{bmatrix}4 & 2\\-1 & 0\\2 & 3\end{bmatrix}=$

A $[6 \quad 4]$ **C** $\begin{bmatrix}6\\4\end{bmatrix}$

B $[10 \quad 4]$ **D** $\begin{bmatrix}10\\4\end{bmatrix}$

10 $\begin{bmatrix}3 & 2\\0 & -4\end{bmatrix}\begin{bmatrix}2 & 2\\1 & -3\end{bmatrix}=$

A $\begin{bmatrix}4 & 12\\4 & -12\end{bmatrix}$ **C** $\begin{bmatrix}6 & 4\\0 & 12\end{bmatrix}$

B $\begin{bmatrix}8 & 0\\-4 & 12\end{bmatrix}$ **D** $\begin{bmatrix}0 & -12\\3 & -8\end{bmatrix}$

11 $\begin{bmatrix}2 & 6 & 8\\1 & -4 & 5\end{bmatrix}\begin{bmatrix}-3\\-8\\-2\end{bmatrix}=$

A $\begin{bmatrix}-70\\39\end{bmatrix}$ **C** $\begin{bmatrix}-26\\-13\end{bmatrix}$

B $\begin{bmatrix}-70\\19\end{bmatrix}$ **D** $\begin{bmatrix}-26\\-45\end{bmatrix}$

12 Diberi persamaan matriks
Given the matrix equation

$$5[3p \quad -9]+q[-4 \quad 1]=[29 \quad -41]$$

Cari nilai $3p+q$.
Find the value of $3p+q$.

A 19 **C** 10
B 13 **D** 4

Tingkatan 5

Soalan Subjektif

Jawab semua soalan.

1 (a) Cari nilai k, jika songsang bagi $\begin{bmatrix} k & 9 \\ -1 & -3 \end{bmatrix}$ tidak tertakrif.

Find the value of k, if the inverse of $\begin{bmatrix} k & 9 \\ -1 & -3 \end{bmatrix}$ *is undefined.*

(b) (i) Diberi bahawa $Q = \begin{bmatrix} -5 & 3 \\ 6 & 10 \end{bmatrix}$, $R = \frac{1}{m}\begin{bmatrix} 10 & -3 \\ n & -5 \end{bmatrix}$ dan $I = \begin{bmatrix} 1 & 0 \\ 0 & 1 \end{bmatrix}$. Cari nilai m dan n jika $QR = I$.

Given that $Q = \begin{bmatrix} -5 & 3 \\ 6 & 10 \end{bmatrix}$, $R = \frac{1}{m}\begin{bmatrix} 10 & -3 \\ n & -5 \end{bmatrix}$ *and* $I = \begin{bmatrix} 1 & 0 \\ 0 & 1 \end{bmatrix}$. *Find the values of m and n if* $QR = I$.

(ii) Dengan menggunakan kaedah matriks, hitung nilai x dan y yang memuaskan persamaan matriks berikut:

By using the matrix method, calculate the values of x and y that satisfy the following matrix equation:

$$\begin{bmatrix} -5 & 3 \\ 6 & 10 \end{bmatrix}\begin{bmatrix} x \\ y \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} -15 \\ 18 \end{bmatrix}$$

[8 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 5

---

2 Encik Kumar memasukkan sejumlah RM10 000 ke dalam dua bank yang berbeza iaitu bank P dan bank Q. Bank P membayar dividen sebanyak 8% setahun dan bank Q membayar dividen sebanyak 12% setahun. Selepas setahun, jumlah dividen yang diperoleh Encik Kumar daripada kedua-dua bank itu ialah RM960. Dengan menggunakan kaedah matriks, nyatakan nisbah jumlah wang yang dimasukkan ke dalam bank P kepada bank Q.

Mr. Kumar deposited a total of RM10 000 *into two different banks, P and Q. Bank P pays an annual dividend of* 8%, *while bank Q pays an annual dividend of* 12%. *After one year, the total dividend Mr. Kumar earned from both banks was* RM960. *Using the matrix method, determine the ratio of the amount of money deposited in bank Q to the amount deposited in bank Q.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

VIDEO ULASAN JAWAPAN

3 (a) Diberi bahawa $\frac{1}{a}\begin{bmatrix}-5 & 1\\ -4 & 3\end{bmatrix}\begin{bmatrix}b & -1\\ 4 & -5\end{bmatrix}=\begin{bmatrix}1 & 0\\ 0 & 1\end{bmatrix}$, cari nilai a dan b.

Given that $\frac{1}{a}\begin{bmatrix}-5 & 1\\ -4 & 3\end{bmatrix}\begin{bmatrix}b & -1\\ 4 & -5\end{bmatrix}=\begin{bmatrix}1 & 0\\ 0 & 1\end{bmatrix}$, *find the values of a and b.*

(b) Pada bulan lepas, SMK Tun Laksamana telah menganjurkan hari kantin. Sebanyak 550 keping kupon telah habis dijual dengan harga RM20 dan RM50. Jumlah wang yang diperoleh ialah RM20 000.
Last month, SMK Tun Laksamana organised a canteen day. A total of 550 *coupons were sold at prices of* RM20 *and* RM50*. The total amount collected was* RM20 000*.*

(i) Tulis dua persamaan linear yang mewakili maklumat di atas.
Write two linear equations that represent the information above.

(ii) Dengan menggunakan kaedah matriks, hitung bilangan kupon RM20 dan kupon RM50 yang telah dijual.
Using the matrix method, calculate the number of RM20 *and* RM50 *coupons sold.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

4 Raisha membuat 192 keping biskut sempena hari raya. Bilangan biskut makmur, x, adalah 50 keping lebih daripada bilangan biskut semperit, y. Dengan mengunakan kaedah matriks, hitung bilangan biskut makmur dan biskut semperit yang dibuat oleh Raisha.
Raisha made 192 *biscuits for the festive season. The number of makmur biscuits, x, is* 50 *more than the number of semperit biscuits, y. Using the matrix method, calculate the number of makmur and semperit biscuits made by Raisha.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

5 (a) Diberi bahawa $\begin{bmatrix} 20 & 11 \\ -5 & 2y \\ -6 & 3z-9 \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} 2 & 11 \\ 7+x & 12 \\ -6 & 3 \end{bmatrix}$. Tentukan nilai x, y dan z.

Given that, $\begin{bmatrix} 20 & 11 \\ -5 & 2y \\ -6 & 3z-9 \end{bmatrix} = \begin{bmatrix} 2 & 11 \\ 7+x & 12 \\ -6 & 3 \end{bmatrix}$. *Find the values of x, y and z.*

(b) Encik Mizan membeli 15 guni beras dan 69 kg gula untuk diberi kepada mangsa banjir di Terengganu. Dia membayar sebanyak 5 keping wang RM100 dan 2 keping wang RM50. Manakala Puan Rose membeli 10 guni beras dan 38 kg gula dengan membayar 4 keping wang RM100 dan mendapat baki 3 keping RM5 dan 5 keping RM1.

Mr. Mizan purchased 15 *sacks of rice and* 69 kg *of sugar to donate to flood victims in Terengganu. He paid with* 5 *pieces of* RM100 *notes and* 2 *pieces of* RM50 *notes. Meanwhile, Mrs. Rose purchased* 10 *sacks of rice and* 38 kg *of sugar, paying with* 4 *pieces of* RM100 *notes and receiving change in the form of* 3 *pieces of* RM5 *notes and* 5 *pieces of* RM1 *notes.*

(i) Dengan menggunakan kaedah matriks, hitung harga dalam RM seguni beras dan sekilogram gula.
Using the matrix method, calculate the prices in RM *of one sack of rice and one kilogram of sugar.*

(ii) Pada minggu berikutnya, Encik Mizan ingin membeli lagi 10 guni beras dan 10 kg gula dengan membawa 3 keping wang RM100.Tentukan sama ada Encik Mizan mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli beras dan gula tersebut. Justifikasi jawapan anda dengan menggunakan pendaraban matriks.
The following week, Mr. Mizan plans to buy 10 *sacks of rice and* 10 kg *of sugar with* 3 *pieces of* RM100 *notes. Determine whether Mr. Mizan has enough money for the purchase. Justify your answer using matrix multiplication.*

[10 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 5

6 (a) Diberi bahawa matriks $R = \begin{bmatrix} 4 & 12 \\ -1 & r \end{bmatrix}$. Cari nilai r, jika matriks songsang bagi R tidak wujud.

Given the matrix $R = \begin{bmatrix} 4 & 12 \\ -1 & r \end{bmatrix}$. *Find the value of r if the inverse of R does not exist.*

(b) Umur nenek Azizi empat kali umurnya. Purata umur mereka ialah 40 tahun. Dengan menggunakan kaedah matriks, hitung umur Azizi dan umur neneknya.
The age of Azizi's grandmother is four times his age. The average of their ages is 40 *years. Using the matrix method, calculate Azizi's age and his grandmother's age.*

[7 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

7 Jadual 1 menunjukkan maklumat bagi buku yang dibeli oleh Qaiser.
Table 1 *shows the information about the books purchased by Qaiser.*

Mata pelajaran ***Subjek***	**Harga sebuah buku** ***Price per book***
Sejarah *History*	RM6.90
Bahasa Melayu	RM8.00

Jadual 1 / *Table* 1

Jumlah buku yang dibeli oleh Qaiser ialah 15 buah. Buku Sejarah yang dibeli lebih banyak daripada buku Bahasa Melayu. Beza jumlah harga buku Sejarah dan jumlah harga buku Bahasa Melayu ialah RM14.10. Dengan menggunakan kaedah matriks, hitung bilangan buku Sejarah dan buku Bahasa Melayu yang dibeli oleh Qaiser.
The total number of books purchased by Qaiser is 15. *History books purchased is more than Bahasa Melayu books. The difference in the total price between History books and Bahasa Melayu books is* RM14.10. *Using the matrix method, calculate the number of History books and Bahasa Melayu books purchased by Qaiser.*

[5 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

LATIHAN TAMBAHAN

BAB 3

Matematik Pengguna: Insurans
Consumer Mathematics: Insurance

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Premium Asas Polisi Komprehensif/*Basic Premium of the Comprehensive Policy*

(a) Bagi **Semenanjung Malaysia**, premium asas = Kadar bagi RM1 000 yang pertama + RM26 bagi setiap RM1 000 atau sebahagian daripada itu bagi nilai yang melebihi RM1 000 *For **Peninsular Malaysia**, the basic premium* *= Rate for the first* RM1 000 + RM26 *for every* RM1 000 *or part thereof on value exceeding* RM1 000	(b) Bagi **Sabah** dan **Sarawak**, premium asas = Kadar bagi RM1 000 yang pertama + RM20.30 bagi setiap RM1 000 atau sebahagian daripada itu bagi nilai yang melebihi RM1 000 *For **Sabah** and **Sarawak**, the basic premium* *= Rate for the first* RM1 000 + RM20.30 *for every* RM1 000 *or part thereof on value exceeding* RM1 000

Deduktibel/*Deductible*

Deduktibel ialah suatu jumlah yang perlu ditanggung oleh pemegang polisi sebelum layak membuat tuntutan daripada syarikat insurans.
*A **deductible** is an amount that must be borne by the policyholder before they are eligible to make a claim from the insurance company.*

Ko-insurans/*Co-insurance*

Ko-insurans ialah perkongsian bersama kerugian antara syarikat insurans dengan pemegang polisi.
***Co-insurance** is a joint sharing of loss between the insurance company and the policyholder.*

Insurans Harta/*Property Insurance*

(a) **Jika nilai yang diinsuranskan = jumlah insuran yang harus dibeli**
Bayaran pampasan = Jumlah kerugian – Deduktibel
dengan keadaan jumlah kerugian ≤ jumlah insurans yang telah dibeli
If the insured value = amount of required insurance
Compensation payment = Total loss – Deductible
where the amount of loss ≤ the amount of required insurance

(b) **Jika nilai yang diinsuranskan < jumlah insurans yang harus dibeli**
If the insured value < amount of required insurance

$$\text{Bayaran pampasan / } \textit{Compensation payment} = \left(\frac{\text{Jumlah insurans yang telah dibeli / } \textit{Amount of insurance purchased}}{\text{Jumlah insurans yang harus dibeli / } \textit{Amount of required insurance}}\right) \times (\text{Jumlah kerugian/ } \textit{Total loss}) - \text{Deduktibel/ } \textit{Deductible}$$

(c) **Mengalami kerugian menyeluruh**
Bayaran pampasan = Jumlah insurans yang telah dibeli – Deduktibel
Suffered a total loss
Compensation payment = Amount of insurance purchased – Deductible

(d) **Penalti ko-insurans**

$$= \text{Jumlah kerugian} - \left(\frac{\text{Jumlah insurans yang telah dibeli}}{\text{Jumlah insurans yang harus dibeli}} \times \text{Jumlah kerugian}\right)$$

Co-insurance penalty

$$= \textit{Total loss} - \left(\frac{\textit{Amount of insurance purchased}}{\textit{Amount of required insurance}} \times \textit{Total loss}\right)$$

Insurans Hayat/*Life Insurance*

$$\text{Premium} = \frac{\text{Nilai muka polisi/ } \textit{Face value of policy}}{\text{RM}x} \times (\text{Kadar premium per RM}x/\textit{Premium rate per RM}x)$$

LATIHAN INTENSIF

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

1 Antara polisi insurans berikut, yang manakah termasuk dalam prinsip indemniti?
Which of the following insurance policies are included in the indemnity principle?

I Insurans hayat/*Life insurance*
II Insurans motor/*Motor insurance*
III Insurans perjalanan/*Travel insurance*
IV Insurans kebakaran/*Fire insurance*

A I, II dan/*and* III
B I, II dan/*and* IV
C II, III dan/*and* IV
D I, II, III dan/*and* IV

2 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan insurans kebakaran bagi rumah Puan Rose.
The following information is related to the fire insurance for Puan Rose's house.

- Nilai boleh insurans ialah RM450 000
  Insurable value is RM450 000
- Deduktibel RM3 000
  Deductible RM3 000
- Peruntukan ko-insurans 80% daripada nilai boleh insurans
  80% *co-insurance provision of insurable value*

Hitung jumlah insurans yang perlu dibeli oleh Puan Rose.
Calculate the amount of insurance needs to purchase by Puan Rose.

A RM350 000 **C** RM360 000
B RM357 000 **D** RM363 000

3 _____ ialah sejumlah wang yang perlu dibayar oleh pemegang polisi kepada syarikat insurans untuk mendapatkan perlindungan insurans.
_____ *is the amount of money the policyholder has to pay to the insurance company to get insurance coverage.*

A Kos insurans/*Cost of insurance*
B Premium/*Premium*
C Dana/*Fund*
D Ko-insurans/*Co-insurance*

4 Puan Dania menerima rawatan di hospital swasta dengan bil perubatannya RM2 500. Dia telah mendapatkan insurans perubatan dan kesihatan dengan deduktibel sebanyak RM500 dan ko-insurans 90%. Hitung jumlah bayaran yang ditanggung oleh Puan Dania untuk rawatan perubatannya.
Puan Dania received a treatment at a private hospital with a medical bill of RM2 500. *She has obtained medical and health insurance with deductible of* RM500 *and* 90% *co-insurance. Calculate the amount of payment borne by Puan Dania for her medical treatment.*

A RM700 **C** RM1 800
B RM750 **D** RM2 250

5 Premium asas polisi komprehensif kereta Haikal ialah RM2 480.20. Dia layak mendapat NCD sebanyak 55%. Jika dia membeli polisi pihak ketiga, kebakaran dan kecurian, berapakah premium kasar itu?
The premium of the comprehensive policy for Haikal's car is RM2 480.20. *He is entitled to NCD of* 55%. *If he purchased the third party, fire and theft policy, how much is the gross premium?*

A RM1 860.15 **C** RM1 023.08
B RM1 116.09 **D** RM837.07

6 Jadual 1 menunjukkan sebahagian daripada kadar premium bagi polisi motor yang digunakan di Malaysia.
Table 1 *shows a part of premium rate for the motor policy that is used in Malaysia.*

Kapasiti enjin tidak melebihi (cc) ***Enjin capacity not exceeding*** **(cc)**	**Polisi pihak ketiga (RM)** ***Third party policy*** **(RM)**	
	Semenanjung Malaysia *Peninsular Malaysia*	Sabah dan Sarawak *Sabah and Sarawak*
1 650	135.00	75.60
2 200	151.20	85.20

Jadual 1 / *Table* 1

Encik Dhenes bekerja dan menetap di Pahang. Dia ingin membeli polisi insurans pihak ketiga bagi keretanya yang berkapasiti 2 000 cc dengan jumlah yang ingin diinsuranskan ialah RM24 000. Nilai Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) Encik Dhenes ialah 55%. Hitung premium kasar yang perlu dibayar oleh Encik Dhenes.
Encik Dhenes works and lives in Pahang. He wants to buy the third party policy for his car with the capacity of 2 000 cc *with the sum insured is* RM24 000. *Encik Dhenes's No Claim Discount* (*NCD*) *value is* 55%. *Calculate the gross premium that need to be paid by Encik Dhenes.*

A RM60.75 **C** RM74.25
B RM68.04 **D** RM83.16

Tingkatan 5

Soalan Subjektif

Jawab semua soalan.

1 Insurans motor bagi kereta Puan Aermydalilah mempunyai peruntukan deduktibel. Dalam satu kemalangan, dia telah mengalami kerugian sebanyak RM950. Sekiranya dia dapat menuntut pampasan sebanyak RM670, hitung peruntukan deduktibel dalam insurans motor tersebut.
The motor insurance for Puan Aermydalilah's car has a deductible provision. In an accident, she has suffered a loss of RM950*. If she entitled to a compensation of* RM670*, calculate the deductible provision in the motor insurance.*

[2 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

2 Nilai boleh insurans bagi rumah Puan Syazlin ialah RM450 000. Dia telah membeli insurans kebakaran yang mempunyai peruntukan ko-insurans untuk menginsuranskan 80% daripada nilai boleh insurans rumahnya dan deduktibel RM2 000. Rumahnya telah mengalami kerugian sebanyak RM35 000. Hitung jumlah pampasan yang akan diterima oleh Puan Syazlin sekiranya dia menginsuranskan rumahnya dengan jumlah RM320 000.
The insurable value for Puan Syazlin's house is RM450 000*. She bought fire insurance with a co-insurance provision to insure* 80% *of her house's insurable value and a deductible of* RM2 000*. Her house has suffered a loss of* RM35 000*. Calculate the total of compensation that will be received by Puan Syazlin if she insures her house at the total of* RM320 000*.*

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

3 Puan Nordiah mempunyai polisi insurans perubatan utama dengan peruntukan deduktibel sebanyak RM800 dan fasal penyertaan peratusan ko-insurans 80/20 dalam polisinya. Jika kos perubatan yang dilindungi polisinya berjumlah RM35 000, hitung bayaran kos perubatan yang ditanggung oleh Puan Nordiah.
Puan Nordiah has a major medical insurance policy with a deductible provision of RM800 *and a* 80/20 *co-insurance percentage participation clause in her policy. If the medical cost covered by her policy is* RM35 000*, calculate the medical cost borne by Puan Nordiah.*

[3 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

---

4 Jadual 1 menunjukkan kadar premium tahunan bagi setiap RM1 000 nilai muka insurans sementara boleh baharu yang ditawarkan oleh Syarikat Insurans Bestari.
Table 1 *shows the annual premium rate schedule per* RM1 000 *face value of a yearly renewable term insurance offered by Bestari Insurance Company.*

Umur *Age*	**Perempuan** *Female*	
	Bukan perokok *Non-smoker*	**Perokok** *Smoker*
35	1.45	1.78
36	1.50	1.84
37	1.56	1.93
38	1.63	2.03
39	1.71	2.14
40	1.80	2.26

Jadual 1 / *Table* 1

Puan Adrianna berumur 37 tahun, seorang yang sihat dan tidak merokok. Dia ingin membeli polisi insurans tersebut bernilai RM350 000 dan menambah polisi penyakit kritikal. Syarikat insurans tersebut menawarkan polisi penyakit kritikal dengan memberi perlindungan sebanyak 20% nilai muka asas dan kadar premium bagi setiap RM1 000 ialah RM1.87 mengikut umur dan status kesihatan Puan Adrianna. Hitung premium tahunan Puan Adrianna
Puan Adrianna is 37 *years old, healthy, and a non-smoker. She wants to buy the insurance policy worth* RM350 000 *and wants to add on a critical illness policy. The insurance company offers a critical illness policy with a coverage of* 20% *of basic face value and the premium rate is* RM1.87 *per* RM1 000 *based on Puan Adrianna's age and health. Calculate Puan Adrianna's annual premium.*

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

5 Farish ingin membeli insurans untuk keretanya di Sabah. Rajah 1 menunjukkan maklumat bagi keretanya manakala Jadual 2 menunjukkan kadar premium bawah Tarif Motor bagi polisi motor yang dikeluarkan di Sabah dan Sarawak.
Farish wants to buys the motor insurance for his car in Sabah. Diagram 1 *shows the information of his car while Table* 2 *shows the premium rate under the Motor Tariff for motor policies issued in Sabah and Sarawak.*

Model/*Model*	: Honda
Usia kereta/*Age of vehicle*	: 3 tahun/*years*
Kapasiti enjin/*Engine capacity*	: 2 400 cc
NCD	: 25%
Jumlah yang ingin diinsuranskan/*Sum insured*	: RM120 000

Rajah 1 / *Diagram* 1

Kapasiti enjin tidak melebihi ***Engine capacity not exceeding*** **(cc)**	**Polisi komprehensif** ***Comprehensive policy*** **(RM)**	**Polisi pihak ketiga** ***Third party policy*** **(RM)**
1 650	220.00	75.60
2 200	243.90	85.20
3 050	266.50	93.60
4 100	290.40	101.70

Jadual 2 / *Table* 2

Hitung premium kasar bagi kereta Farish untuk polisi komprehensif.
Calculate the gross premium of Farish's car for the comprehensive policy.

[4 markah/*marks*]

Jawapan/*Answer*:

Tingkatan 5

BAB 4

Matematik Pengguna: Percukaian
Consumer Mathematics: *Taxation*

VIDEO PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Jenis-jenis Cukai
Types of Taxes

Cukai *Tax*	Pihak mengutip cukai *Tax collecting authority*	Cukai dikenakan terhadap *Tax levied on*	Pengiraan *Calculation*
Cukai Pendapatan *Income Tax*	Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN) *Inland Revenue Board* (*IRB*)	• Individu bergaji/*Salaried individual* • Keuntungan syarikat/*Profitable company*	Cukai dasar + cukai atas baki *Base tax + tax on the next balance*
Cukai Jalan *Road Tax*	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) *Road Transport Department*	• Pemilik kenderaan/*Vehicle owner*	Kadar asas + kadar progresif *Base rate + progressive rate*
